



# PELAN STRATEGIK

## UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

### 2026-2030 UMK30



## **HAKCIPTA TERPELIHARA UMK 2026**

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Universiti Malaysia Kelantan.

Judul: Pelan Strategik Universiti Malaysia Kelantan 2026-2030 (UMK30)  
No. eISBN: 978-629-7867-02-1

Ketua Editor: Prof. Madya Ts. Dr. Zuraimi Abdul Aziz, Dr. Burhan Che Daud, Prof. Madya Dr. Nik Yusri Musa/ Editor Produksi: Tuan Zulkipeli Tuan Yeh/ Editor: Nor Azlina Kamaruddin/ Ketua Reka Bentuk: Mohd Adzwan Kamaruzaman/ Penyelia Reka Bentuk: Yusroyka Karim/ Reka Bentuk Ilustrasi & Susun Atur Huruf: Mohamad Kamarul Hisyam A Rahman/ Jurufoto: Mohd Al Azam Mat Radzi

Diterbitkan oleh:

Penerbitan Korporat UMK  
Bahagian Pengurusan Galeri, Laman Web dan Penerbitan  
Pusat Komunikasi Korporat, Pejabat Naib Canselor  
Universiti Malaysia Kelantan  
16300 Bachok  
Kelantan Darul Naim

No. Tel: +609-779 7015  
E-mel: [bpk.pkk@umk.edu.my](mailto:bpk.pkk@umk.edu.my)  
Website : [corporate.umk.edu.my](http://corporate.umk.edu.my)

Disediakan oleh:

Pusat Strategik dan Risiko  
Pejabat Naib Canselor  
Universiti Malaysia Kelantan  
16300 Bachok  
Kelantan Darul Naim

No. Tel : +609-779 7754  
E-mel : [pusatstrategik@umk.edu.my](mailto:pusatstrategik@umk.edu.my)  
Website : [ccs.umk.edu.my](http://ccs.umk.edu.my)

# ISI KANDUNGAN

MESEJ KEPIMPINAN  
UNIVERSITI

1

CITRA LESTARI  
UNIVERSITI

9

MENYUSUN  
LANGKAH MENYEMAI  
HARAPAN  
UMK30

21

ANALISIS  
EKOSISTEM  
PENDIDIKAN TINGGI

29

ASPIRASI  
UMK30

35

TERAS  
KEUTAMAAN

41

RANGKA  
STRATEGIK  
UMK30

59

KEBERHASILAN  
UTAMA  
2030

85

MEKANISME  
PEMANTAUAN

95

PENUTUP

99

PENGHARGAAN

101

GLOSARI  
DEFINISI  
OPERASIONAL

107



Pandangan hadapan bangunan  
Canselor UMK Bachok

# MESEJ KEPIMPINAN UNIVERSITI



“ **UMK**

telah membuktikan  
bahawa sebuah universiti  
dari Kelantan mampu  
mencipta impak yang  
besar di peringkat nasional  
dan antarabangsa. ”

**DATO' DR.  
HASSAN BASRI BIN  
AWANG MAT DAHAN**

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti  
Universiti Malaysia Kelantan

# PERSPEKTIF PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Pelan Strategik Universiti Malaysia Kelantan 2026-2030 (UMK30) yang dilancarkan ini merupakan satu titik penting dalam proses transformasi perjalanan Universiti Malaysia Kelantan sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang dibangunkan atas harapan rakyat dan amanah negara. Ia menggambarkan kesungguhan seluruh warga UMK daripada staf Kumpulan Pelaksana, Kumpulan Pengurusan dan Profesional, pensyarah, penyelidik, pelajar sehinggalah para pemimpin universiti, demi membawa UMK melangkah lebih jauh dalam usaha memartabatkan ilmu, agenda keusahawanan dan perkhidmatan kepada masyarakat.

Sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, saya berpandangan UMK memiliki keunikan dan kekuatan tersendiri. UMK bukan sekadar sebuah institusi pendidikan tinggi, tetapi UMK menawarkan suatu ekosistem pemupukan adab, nilai dan harapan ke arah menjulang masa depan anak bangsa yang lebih gemilang. Setiap warga UMK, tanpa mengira jawatan atau latar belakang, memainkan peranan penting dalam membina budaya kerja yang berintegriti, kreatif, inovatif dan progresif.

Pelan Strategik Universiti Malaysia Kelantan 2026-2030 (UMK30) ini adalah hasil pemikiran kolektif yang menggabungkan pengalaman, kepakaran dan aspirasi seluruh warga universiti. Ia menyusun tujuh teras strategik yang menjadi panduan UMK dalam mengungguli agenda keusahawanan, meningkatkan kualiti akademik, memantapkan penyelidikan dan inovasi, membina bakat kepimpinan, menambah baik pengurusan kewangan, serta mewujudkan persekitaran kampus yang lebih sejahtera dan inklusif. Saya yakin bahawa kejayaan UMK pada masa hadapan tidak hanya bergantung kepada dasar dan perancangan yang baik, tetapi juga kepada kesungguhan warga UMK untuk melaksanakannya. Kejayaan sebuah universiti lahir daripada

tangan dan hati yang bekerja secara kolektif, berkongsi hala tuju yang sama, saling mempercayai dan mendokong aspirasi organisasi. Sama ada seseorang itu bertanggungjawab menjaga kebersihan kampus, mengurus pentadbiran, mengajar di bilik kuliah, menjalankan penyelidikan atau mengurus hal ehwal pelajar, semuanya adalah sebahagian daripada jentera besar kejayaan UMK.

UMK telah membuktikan bahawa sebuah universiti dari Kelantan mampu mencipta impak yang besar di peringkat nasional dan antarabangsa. Saya percaya kita akan melangkah lebih jauh dan lebih yakin, sambil memastikan setiap keputusan yang dibuat berpaksikan nilai, kebijaksanaan dan manfaat kepada masyarakat.

Akhir kata, saya menyeru seluruh warga UMK untuk menghayati dokumen pelan strategik ini sebagai sebuah komitmen secara kolektif ke arah masa depan Universiti Keusahawanan yang unggul dan terbilang. Semoga usaha seluruh warga UMK diberkati dan dipermudahkan oleh Allah SWT.

**DATO' DR. HASSAN BASRI BIN AWANG MAT DAHAN**  
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti  
Universiti Malaysia Kelantan



“ **UMK**

terus meneduhi dan memayungi masyarakat, sementara buah ilmunya melahirkan wira bangsa berjiwa usahawan yang subur, segar dan sentiasa siap siaga menyumbang kepada negara. ”

**DATO' PROF. IR. TS. DR.  
ARHAM BIN ABDULLAH**  
Naib Canselor  
Universiti Malaysia Kelantan

# ASPIRASI NAIB CANSOLOR

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Malaysia MADANI dan Salam UMK4U 1 Hati 1 Jiwa.

Dengan penuh kesyukuran, kita melangkah ke era baharu pembangunan UMK melalui pembangunan Pelan Strategik Universiti Malaysia Kelantan 2026-2030 (UMK30), sebuah dokumen yang bukan sahaja menyusun hala tuju, malah memperincikan aspirasi bersama untuk menjadikan UMK sebuah Universiti Keusahawanan unggul bertaraf dunia yang melahirkan usahawan berasaskan inovasi. Sejak ditubuhkan pada tahun 2006, UMK tumbuh daripada benih idealisme nasional yang disemai di bumi Kelantan, lalu membesar menjadi pohon ilmu yang rimbun dengan akar yang teguh mencengkam bumi. Dari rimbunan dahannya yang rendah, UMK terus meneduhi dan memayungi masyarakat, sementara buah ilmunya melahirkan wira bangsa berjiwa usahawan berasaskan inovasi, yang subur, segar dan sentiasa siap siaga menyumbang kepada negara.

Pelan Strategik Universiti Malaysia Kelantan 2026-2030 (UMK30) digerakkan oleh harapan rakyat, pemikiran para ilmuwan, serta dukungan kepimpinan negara. Pelan ini menjadi landasan strategik yang memandu agenda transformasi UMK mengharungi anjakan paradigma global yang pesat, berfokuskan tujuh (7) teras utama: Keusahawanan; Akademik dan Antarabangsa; Pelajar dan Alumni; Penyelidikan dan Inovasi; Governan dan Bakat; Kewangan; serta Persekitaran Sejahtera. Ketujuh-tujuh teras ini pula dipandu oleh empat (4) nilai teras UMK iaitu Integriti, Keusahawanan, Inklusiviti dan Lestari. Nilai teras ini berfungsi sebagai kerangka panduan strategik yang membolehkan keseluruhan ekosistem UMK menentukan hala tuju dengan jelas dan berkeyakinan, memacu pembangunan keusahawanan berasaskan inovasi, memperkukuh daya

tahan organisasi dalam menghadapi cabaran, serta mencapai sasaran kecemerlangan institusi secara mampan dan berimpak.

Berlandaskan falsafah pendidikan keusahawanan dan pendidikan enterprais melalui pendekatan keusahawanan humanistik, UMK komited melahirkan graduan yang bukan sahaja menguasai ilmu, tetapi turut memiliki pemikiran kritis, kreatif, inovatif, kemahiran keusahawanan berasaskan inovasi, serta jiwa kepimpinan. Melalui penyelidikan berimpak tinggi, inovasi yang relevan, serta jaringan kolaboratif yang inklusif, UMK mampu memperkukuh ekosistem Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), khususnya dalam melahirkan usahawan berasaskan inovasi dan teknologi, memperkasa masyarakat perindustrian serta menyumbang secara signifikan kepada pembangunan ekonomi negara.

Sebagai sebuah institusi ilmu, UMK memikul amanah ini dengan adab, hikmah dan integriti. Dalam dunia yang digerakkan oleh kecerdasan buatan (AI), teknologi transformatif sebagai pemangkin perubahan dan persaingan tanpa sempadan, kemampuan menggabungkan kebijaksanaan tradisi dengan kecanggihan moden merupakan kunci keunggulan masa depan UMK dalam melahirkan generasi usahawan berasaskan inovasi yang berdaya saing global. Daripada Kelantan untuk Malaysia, dan seterusnya dunia, UMK akan terus mengangkat martabat ilmu, membina peradaban dan mencipta legasi kecemerlangan yang membanggakan. Pelan Strategik Universiti Malaysia Kelantan 2026-2030 (UMK30) ini merupakan undangan terbuka kepada seluruh warga universiti, alumni, rakan industri, masyarakat dan kerajaan untuk bersama-sama mengukir masa depan UMK dengan tekad dan keyakinan. Sekian, terima kasih.

**DATO' PROF. IR. TS. DR. ARHAM BIN ABDULLAH**  
Naib Canselor  
Universiti Malaysia Kelantan

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik Universiti Malaysia Kelantan 2026–2030 atau lebih dikenali sebagai UMK30 merupakan dokumen hala tuju strategik jangka sederhana yang dirangka bagi memacu transformasi UMK sebagai sebuah Universiti Keusahawanan unggul, berdaya saing dan berimpak tinggi di peringkat nasional, serantau dan global. Berteraskan mandat penubuhan UMK serta pencapaian institusi sepanjang tempoh 2021–2025, UMK30 menzahirkan komitmen universiti untuk melangkah ke fasa kematangan institusi yang lebih lestari, digital dan inklusif.


UMK30 dibangunkan secara sistematik melalui proses perancangan strategik yang inklusif dan berfasa, melibatkan kepimpinan universiti, Lembaga Pengarah Universiti, warga akademik dan pentadbiran, pelajar, alumni, rakan industri serta pemegang taruh utama. Pelan ini dirangka dengan mengambil kira penjajaran strategik kepada dasar dan agenda nasional, termasuk Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026-2035, Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13), Dasar Keusahawanan Negara 2030 (DKN2030), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), serta Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Penjajaran ini memastikan UMK30 relevan, berdaya laksana dan menyumbang secara langsung kepada pembangunan negara.

Berpandukan visi Menjadi Peneraju Pembangunan Insan Seimbang dan Holistik Bercirikan Keusahawanan bagi Kesejahteraan Global, UMK30 menekankan pembangunan insan secara menyeluruh berteraskan keusahawanan humanistik melalui suatu pendekatan yang mengintegrasikan kecemerlangan ilmu, inovasi, nilai kemanusiaan, etika, empati dan tanggungjawab sosial. Pendekatan ini diterjemahkan melalui misi UMK dalam menyediakan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan berkualiti bagi melahirkan graduan holistik serta mendayaupaya masyarakat secara mampan.

Pelaksanaan UMK30 digerakkan melalui tujuh (7) teras strategik utama, yang diterjemahkan kepada 15 objektif strategik, dipantau melalui 26 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan dilaksanakan menerusi 82 inisiatif strategik merentasi keseluruhan ekosistem universiti.

Pelaksanaan UMK30 diperkukuh oleh empat (4) nilai teras UMK iaitu Integriti, Keusahawanan, Inklusiviti dan Lestari, yang menjadi asas kepada pembuatan keputusan, pelaksanaan strategi dan pembudayaan organisasi.

Keseluruhannya, UMK30 bukan sekadar pelan perancangan institusi, tetapi merupakan komitmen kolektif dan perjalanan transformasi menyeluruh yang menegaskan peranan UMK sebagai peneraju kebitaraan keusahawanan, pemacu pembangunan insan holistik dan rakan strategik negara dalam membentuk masa depan yang mampan dan berdaya saing.



*Tujuh Teras Strategik Utama yang Mengerakkan UMK30*



“Universiti  
lestari membina  
citra unggul dengan  
ilmu yang berakar,  
berdaya saing, dan  
berimpak.”



Universiti Malaysia  
KELANTAN

# CITRA LESTARI UNIVERSITI

# SEJARAH PENUBUHAN

UMK merupakan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang ke-19 dan telah diumumkan penubuhannya semasa pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) pada 31 Mac 2006 oleh Perdana Menteri pada ketika itu, YAB Dato' Seri Abdullah bin Hj. Ahmad Badawi. Ia kemudiannya diluluskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Jun 2006 dan diperbadankan pada 1 September 2006. Falsafah kurikulum pengajian UMK adalah berteraskan kepada Pendidikan Keusahawanan dan frasa 'Keusahawanan Teras Kami' telah digunakan secara meluas. Pada peringkat awal, tiga (3) kelompok bidang teras telah diberi penekanan iaitu keusahawanan dan perniagaan, agro industri dan sumber asli serta teknologi kreatif dan warisan. Kesemua kurikulum pengajian di UMK mewajibkan ilmu keusahawanan iaitu mewakili tidak kurang daripada 10 peratus jumlah jam kredit setiap kurikulum. Kesemua program pengajian diperkasakan dengan kemahiran insaniah bagi melahirkan modal insan negara yang berkualiti tinggi dan memiliki atribut keusahawanan. Modal insan ini bukan sahaja memacu ke arah peningkatan keupayaan dan kemampuan bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) malah turut menyumbang kepada pembangunan masyarakat perdagangan dan perindustrian. Dalam

semua pelaksanaan, Teknologi Maklumat dan Komunikasi digunakan sebagai pengupaya. UMK akan terus dibangunkan bagi memenuhi kehendak perintah pemerbadanan iaitu:

“Maka hendaklah ditubuhkan suatu institusi pengajian tinggi yang mempunyai taraf universiti, sebagai suatu pertubuhan perbadanan, bagi maksud mengadakan, memajukan dan mengembangkan pengajian tinggi dalam bidang industri kecil dan sederhana, keusahawanan, perbankan, kewangan dan perniagaan Islam, bioteknologi, agro bioteknologi, biokimia, bioinformatik, seni dan reka bentuk kreatif, pengajian bahasa seperti Bahasa Arab, Bahasa Jepun, Bahasa Perancis, Bahasa Mandarin dan lain-lain, industri berasaskan pertanian, sumber asli dan industri pembuatan, dan bidang pengajian lain yang perlu, serta mengadakan penyelidikan dan pengumpulan dan pemajuan pengetahuan dan penyebaran pengetahuan dalam bidang pengajian itu.” - Warta Kerajaan P.U. (A) 415/2006



Pemandangan Awal Penubuhan  
UMK Kampus Kota

“ Penubuhan universiti ini telah mendapat kelulusan daripada Jemaah Menteri dalam Mesyuarat Kabinet pada 14 Jun 2006. ”






Majlis Perasmian Operasi dan Pelancaran Pelan Pembangunan UMK telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Abdullah bin Hj. Ahmad Badawi

## PERMULAAN OPERASI

Majlis Perasmian Operasi dan Pelancaran Pelan Pembangunan UMK telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Abdullah bin Hj. Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-5 pada 3 Ogos 2007 di kampus sementara UMK Pengkalan Chepa. Majlis ini merupakan yang julung kali diadakan di Kelantan memandangkan UMK adalah sebuah IPTA yang pertama di negeri ini. Majlis tersebut telah dihadiri oleh warga kampus, peniaga tempatan dan penduduk setempat sebagai simbolik sokongan terhadap penubuhan sebuah universiti awam di negeri ini. Dalam majlis ini,

Naib Canselor pertama UMK telah menyampaikan taklimat pembangunan universiti kepada YAB Perdana Menteri berkaitan perancangan dan pembangunan semasa serta masa hadapan UMK. Penubuhan UMK telah memberi limpahan gelembung ekonomi kepada masyarakat setempat khususnya dan negeri Kelantan amnya apabila peluang-peluang pekerjaan telah mula ditawarkan, kegiatan ekonomi beroperasi dengan lebih aktif dan peningkatan kemudahan infrastruktur berlaku dengan giat. Perkembangan positif kepada negeri Kelantan menjadi pemangkin kepada perkembangan sosioekonomi dan peningkatan taraf hidup masyarakat.

## LOGO DAN FALSAFAH




UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Logo UMK simbolik kepada penekanan kepada huruf 'U', 'M' dan 'K'. Reka bentuknya melambangkan unsur dan sifat universiti yang terbuka dan merentasi zaman. Manakala bentuk *hour glass* pula menggambarkan tiada had untuk tempoh masa dalam proses pembelajaran iaitu penggalakan pembelajaran sepanjang hayat. Ia juga melambangkan unsur kromosom yang aktif dan dinamik serta kejadian alam (*a part of nature*).

Proses ini disokong dengan lambang dua tangan yang memohon restu dan keredhaan serta sentiasa bersyukur. Gambaran imej kromosom melambangkan sifat aktif dan dinamik semasa berinteraksi dengan persekitaran universiti. Pemilihan warna 'biru' adalah untuk Malaysia, 'merah' untuk Kelantan dan 'jingga' yang merupakan warna semula jadi buah pinang masak merujuk kepada warisan.

Logo ini didukung oleh Falsafah UMK yang memberi penekanan kepada enam (6) aspek utama iaitu:

6  
ASPEK  
UTAMA

-  Pendidikan keusahawanan
-  Bahasa ketiga
-  Teknologi Maklumat dan Komunikasi sebagai pengupaya
-  Pembelajaran sepanjang hayat
-  Modal insan yang berkualiti
-  Keunikan dan relevan

# PERANAN DAN MANDAT UMK

## Asas Mandat dan Falsafah Penubuhan

UMK berdiri teguh di atas mandat unik yang membezakannya daripada institusi pengajian tinggi lain di Malaysia, iaitu dengan meletakkan keusahawanan sebagai teras utama dalam segenap aspek akademik dan pentadbirannya. Berpegang kepada falsafah 'Keusahawanan Teras Kami', UMK bukan sekadar berfungsi sebagai gedung ilmu, tetapi sebagai sebuah institusi pembangunan bakat yang bermatlamat melahirkan graduan berciri pencipta pekerjaan (job creators) berbanding sebagai pencari pekerjaan (job seekers). Menjelang tempoh perancangan 2026-2030, mandat ini diperkukuhkan lagi dengan visi untuk bukan sahaja melahirkan graduan usahawan, tetapi menyematkan ciri dan atribut keusahawanan (entrepreneurial attributes) yang holistik dalam minda setiap warga universiti.

## Pendekatan Pendidikan Keusahawanan Holistik

Dalam menterjemahkan mandat ini, UMK telah membangunkan satu ekosistem pendidikan keusahawanan yang komprehensif dan bersepadu. Kurikulum di UMK direka bentuk secara rentas disiplin, memastikan pelajar daripada fakulti perubatan veterinar, teknologi kreatif, hingga ke sains bumi, semuanya didedahkan kepada modul dan kursus keusahawanan yang praktikal. Melalui inisiatif Institut Keusahawanan UMK (UMKEI), universiti telah berjaya mewujudkan persekitaran inkubator keusahawanan di mana pelajar digalakkan untuk menubuhkan syarikat pemula (Start-up company) semasa tempoh pengajian, disokong oleh bimbingan mentor industri dan akses kepada geran perniagaan.



## Kepimpinan dalam Ekosistem Nasional

Pada peringkat nasional, kini UMK diiktiraf sebagai peneraju utama dalam agenda keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi. Selaras dengan Pelan Tindakan Keusahawanan IPT oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, UMK konsisten mencatatkan peratusan graduan usahawan yang tinggi dan sering mendominasi anugerah keusahawanan peringkat kebangsaan seperti Anugerah Keusahawanan KPT. Kedudukan ini mengukuhkan peranan UMK sebagai hab rujukan nasional dalam pembangunan model pendidikan keusahawanan, dan menjadi rakan strategik utama kepada agensi kerajaan dalam memperkasakan agenda PMKS.

## Keusahawanan Sosial dan Impak Komuniti

Kekuatan ekosistem UMK turut diterjemahkan melalui pendekatan Keusahawanan Sosial (Social Entrepreneurship) yang memberi impak langsung kepada sosioekonomi masyarakat setempat, khususnya di Pantai Timur. Sebagai sebuah universiti komuniti, UMK telah berjaya mengintegrasikan kepakaran akademiknya untuk menyelesaikan masalah sebenar masyarakat melalui inovasi sosial. Ini meletakkan UMK dalam kedudukan strategik sebagai 'Universiti untuk Masyarakat', di mana kejayaan keusahawanan tidak hanya diukur melalui keuntungan kewangan, tetapi melalui kelestarian dan kesejahteraan komuniti, selaras dengan SDG.

## Lonjakan ke Arena Antarabangsa

Melangkah ke persada global, UMK sedang giat mengukuhkan jenamanya dalam ekosistem keusahawanan antarabangsa melalui pelbagai kerjasama strategik dan pengiktirafan global. Penglibatan aktif dalam rangkaian universiti keusahawanan dunia dan kolaborasi dengan institusi ternama di ASEAN dan global telah membuka pintu kepada pertukaran kepakaran, teknologi dan kemahiran, mobiliti pelajar dan staf, serta kolaborasi penyelidikan berimpak tinggi. Peningkatan kedudukan UMK dalam penarafan antarabangsa berkaitan impak dan kelestarian membuktikan bahawa model keusahawanan UMK adalah relevan, kompetitif, dan diiktiraf di peringkat dunia.

## Hala Tuju Strategik 2026-2030 (UMK30)

Menuju tahun 2030, UMK kini bersedia untuk beralih daripada fasa pengukuhan kepada fasa pemacuan kecemerlangan global. Dokumen UMK30 ini dirangka untuk melonjakkan kedudukan UMK sebagai Universiti Keusahawanan Unggul di rantau ini, dengan fokus kepada pendigitalan perniagaan, inovasi berasaskan teknologi tinggi, dan pembentukan ekosistem keusahawanan yang matang. UMK komited untuk terus menjadi institusi yang dinamik, memacu perubahan ekonomi negara, dan melahirkan generasi usahawan global yang berdaya tahan mendepani cabaran masa hadapan.

# PENCAPAIAN STRATEGIK UMK 2021–2025

Laporan ini merumuskan pencapaian utama UMK sepanjang tempoh 2021 hingga 2025, yang menunjukkan prestasi memberangsangkan dalam memacu agenda keusahawanan, kecemerlangan akademik, serta kelestarian kewangan dan fasiliti.

## KEBITARAAN KEUSAHAWANAN

### PENCAPAIAN USAHAWAN: Universiti berjaya melahirkan

**15,486**  
Usahawan Pelajar (SE)

**1,028**  
Kebolehpasaran  
Graduan (GE)

### PENGIKTIRAFAN:

Sebanyak **41** Anugerah Keusahawanan telah diraih di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

### PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN:

Terdapat **89** kajian kes dan penyelidikan keusahawanan yang digunakan dalam pengajaran,  
serta **317** tenaga pengajar yang mempunyai kepakaran atau bimbingan keusahawanan.

**DANA KEUSAHAWANAN:**  
Jumlah keseluruhan dana keusahawanan yang disalurkan sepanjang tempoh **2021-2025** adalah sebanyak

**RM4,281,598.33**

## KERELEVANAN PROGRAM AKADEMIK DAN PENGANTARABANGSAAN

### PENAWARAN PROGRAM: UMK kini menawarkan

**56**

program  
akademik merangkumi

**32** program Ijazah Sarjana Muda,  
**12** program Sarjana,  
**8** program PhD, dan  
**4** program Asasi.

Ini termasuk  
**16** program *Work Based Learning* (WBL) dan  
**16** program anjal/ fleksibel.

### ENROLMEN PELAJAR:

Enrolmen prasiswazah mencatatkan angka

**13,933** pelajar,

manakala pascasiswazah seramai

**1,032** pelajar

hingga **15 Disember 2025**.

### KECEMERLANGAN GRADUAN:

Kadar *Graduate on Time* (i-GoT) mencapai

**90%**,

manakala kadar keciciran pelajar prasiswazah berada pada tahap

**6.01%**.

### PENGANTARABANGSAAN:

UMK mempunyai

**444** pelajar antarabangsa dan

**9** program

yang mendapat pengiktirafan antarabangsa.

## KECEMERLANGAN DALAM PENYELIDIKAN DAN INOVASI

### GERAN PENYELIDIKAN:

Jumlah geran penyelidikan meningkat secara konsisten setiap tahun, daripada

2025	↑	RM14,842,868.70
2021		RM8.3 juta

### PENCAPAIAN KUMULATIF:

Sasaran **RM12** juta bagi tempoh ini telah dilepasi dengan jaya melalui peningkatan drastik pada tahun **2024** dan **2025**.

Bilangan produk penyelidikan dikomersialkan pada tahun **2025** adalah sebanyak empat (**4**) produk dengan nilai pengkomersialan

**RM30,379,389.84**

## KEUNGGULAN BAKAT

### KELAYAKAN AKADEMIK:

Sebanyak **353** orang (**72%**) staf akademik memiliki kelayakan PhD.

### KOMPETENSI INDUSTRI:

Seramai **135** orang (**28%**) staf akademik mempunyai pengalaman industri, manakala **94** orang (**19%**) berdaftar dengan badan profesional.

### PRESTASI STAF:

Penilaian prestasi (LNPT) menunjukkan lebih **90%** staf (akademik dan pentadbiran) mencapai skor **85%** dan ke atas.

## KELESTARIAN KEWANGAN

### TATA KELOLA KEWANGAN:

UMK mengekalkan rekod cemerlang dengan memperoleh Sijil Bersih daripada Ketua Audit Negara bagi setiap tahun dari **2021** hingga **2024**.

### PENJANAAN:

Penjanaan pendapatan universiti menyumbang antara

**22%**  
hingga  
**39.5%**

### PENJIMATAN:

Langkah penjimatan berjaya merekodkan kadar antara

**2.55%**  
hingga  
**5.40%.**



## KEUNGGULAN PELAJAR



01

Kebolehpasaran Graduan (GE) bagi tahun 2024 mencatatkan peningkatan kepada **97.2%**, berbanding **94.5%** pada tahun **2023** dan **92.5%** pada tahun **2022**, sekaligus menunjukkan trend peningkatan yang memberangsangkan.



02

Pasukan debat universiti telah menjuarai **6** pertandingan debat utama termasuk memenangi Johan dalam Pertandingan Debat Diraja Antara IPT 2024.



03

Pencapaian cemerlang dalam kebudayaan melalui kejayaan memperoleh **pingat emas** dan **johan** dalam pelbagai acara seperti Festival Tari Malaysia, pertandingan Dikir Barat serta pertandingan seni di peringkat



04

Pencapaian cemerlang dalam acara Futsal dengan muncul **Naib Juara** Piala Futsal IPT 2025 serta pencapaian memberangsangkan dalam sukan Petanque, Silat dan Taekwondo, dengan kejayaan meraih **pingat emas**, **perak** dan **gangsa** dalam Karnival Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) dan Temasya Sukan Kelantan (SUKEL).



05

Dari segi kejayaan terkini alumni pula, syarikat Aura Biocare Sdn. Bhd. milik Mohamad Bukharie bin Che Harun telah mencatat jualan **RM30 juta** dalam tempoh masa 14 bulan bagi produk **BioKenaf** serta turut memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan pelajar dan universiti.

## INFRASTRUKTUR DAN INFOSTRUKTUR



### PEMBANGUNAN FIZIKAL:

Pelaksanaan projek penyelenggaraan (RP4) dengan **8 projek** siap pada 2024 (**RM2.3 juta**) dan **12 pakej** siap pada **2025 (RM2.7 juta)**.



### TRANSFORMASI DIGITAL:

Pelaksanaan sistem utama seperti HR4U (Transformasi Digital HR), CAPSULE (Transformasi Digital Akademik, Pelajar dan Kewangan), Sistem LED Panel DTC, serta naik taraf infrastruktur rangkaian internet dan firewall bernilai jutaan ringgit.



Sistem PORTAL dan NAVIGATE turut diperkenalkan untuk memacu kecemerlangan Akademik, Penyelidikan dan Tadbir Urus Sokongan.



Pandangan waktu senja  
Bangunan Canselori UMK Bachok



“ Setiap langkah yang disusun rapi menjadi asas kepada harapan dan kelestarian universiti. ”



# MENYUSUN LANGKAH MENYEMAI HARAPAN UMK30

## MENYUSUN LANGKAH MENYEMAI HARAPAN UMK30

UMK telah melangkah gagah dalam menyusun sebuah pelan pembangunan jangka sederhana yang komprehensif dan berdaya saing, dikenali sebagai UMK30. Pelan ini bukan sahaja menjadi dokumen panduan strategik, bahkan mencerminkan aspirasi murni Universiti untuk memacu kecemerlangan sebagai Universiti Keusahawanan Unggul di peringkat nasional dan antarabangsa, berpaksikan falsafah dan sebuah universiti keusahawanan.

Proses pembangunan UMK30 dirangka dengan penuh ketelitian, melibatkan pelbagai lapisan pemegang taruh (stakeholders), disokong oleh metodologi strategik berpaksikan data dan amalan terbaik industri serta institusi pendidikan tinggi. Usaha ini juga diselaraskan

sepenuhnya dengan dasar nasional seperti RPTM 2026-2035, DKN2030, NIMP2030, RMK-13 serta keperluan tempatan dan global sejajar dengan SDG.

Proses penyusunan pelan telah dimulakan dengan sesi cadangan dan perbincangan awal bersama barisan Pengurusan Tertinggi dan Ketua Peneraju melalui sesi sesi percambahan fikiran strategik.

Secara keseluruhan, proses ini merangkumi empat (4) fasa utama iaitu: \_\_\_\_\_



# FASA 1: Penerokaan & Impian, Semakan Prestasi dan Impak

Fasa-fasa ini disokong pula oleh pelaksanaan 26 program strategik, termasuk sesi taklimat, perbincangan jawatankuasa, *Focus Group Discussion* (FGD), fokus kumpulan, bengkel teras, libat urus menyeluruh, dan sesi pembentangan di peringkat pengurusan dan Lembaga Pengarah Universiti (LPU).

Cadangan  
Pembangunan  
UMK30



Perbincangan Peringkat  
Jawatankuasa Teras



*Focus Group  
Discussion* Bersama  
Pengerusi LPU &  
Pengurusan Tertinggi



Taklimat kepada  
Peneraju dan  
Jawatankuasa



Pra-Bengkel  
UMK30



Pembentangan  
Jawatankuasa Teras  
Kepada Penasihat  
Strategik



Analisis  
Dokumen dan  
Input



# FASA 2: Penggubalan & Pembangunan Pelan Strategik



Bengkel Penyediaan  
UMK30



Mesyuarat Pemurnian  
Maklumat Mengikut  
Teras

Kursus Penulisan  
Berasaskan Teknologi



Pembentangan  
7 Teras UMK30

Bengkel  
Penyelarasan dan  
Pemeriksaan  
UMK30



Pengemaskinian  
Maklumat UMK30




# FASA 3:

Libat Sama Pengurusan & Lembaga Pengarah Universiti



Pra-Bengkel Penyediaan Pelan Tindakan 2026



Town Hall bersama Pegawai Kanan UMK



Bengkel Pembentangan UMK30 bersama LPU



Bengkel Penyediaan Pelan Tindakan 2026



Pembentangan Kelulusan Mesyuarat JPU



Pembentangan Kelulusan Mesyuarat LPU



# FASA 4: Deraf Akhir, Validasi & Pelancaran



UMK30 ini merupakan hasil kolaborasi menyeluruh dan dedikasi tinggi seluruh warga Universiti serta sokongan padu pihak berkepentingan. Ia juga menggambarkan iltizam UMK untuk menjadi universiti keusahawanan unggul, bukan hanya di peringkat nasional, malah di persada antarabangsa. Dengan tumpuan kepada impak sosial, keterlibatan komuniti, kebitaraan bidang tujuhan, dan keusahawanan digital global, pelan ini dijangka akan mengangkat UMK sebagai universiti yang menyantuni masyarakat serta menjadi peneraju pendidikan tinggi keusahawanan bertaraf dunia.

## Bengkel Pemurnian Penulisan Buku UMK30



## Bengkel Pembentangan Deraf Buku UMK30

## Perbincangan Akhir Reka Bentuk Buku Bersama JK Media



## Bengkel Validasi Kandungan Bersama Teras



## Town Hall UMK30 Bersama Warga UMK

## Bengkel Penyelarasan Deraf Akhir Buku UMK30




## Peluncuran UMK30





Bangunan Canselori Sultan Ismail Petra  
UMK Bachok



“ Analisis  
ekosistem pendidikan  
tinggi bukan sekadar  
menilai keadaan,  
tetapi merangka masa  
depan. ”



# ANALISIS EKOSISTEM PENDIDIKAN TINGGI

## Lanskap Global: Cabaran dan Evolusi Multiversiti

Ekosistem pendidikan tinggi global kini sedang mengharungi 'badai sempurna' (perfect storm) yang berpunca daripada teknologi disruptif, peralihan demografi, dan ketidaktentuan ekonomi. Menjelang 2026, sektor ini menyaksikan peralihan daripada model tradisional yang berpusat kepada lanskap global yang lebih terpisah (fragmented), pelbagai, dan bersepadu secara digital. Antara cabaran kritikal yang dihadapi ialah krisis kelestarian kewangan, terutamanya di institusi pendidikan tinggi di Barat yang menghadapi 'jurang pembiayaan' (funding cliff) akibat penurunan jumlah enrolmen pelajar domestik dan kenaikan kos operasi. Keadaan ini mewujudkan model perniagaan yang berisiko kerana universiti semakin bergantung kepada yuran pelajar antarabangsa.

Selain faktor kewangan, kemunculan Kecerdasan Buatan (AI) Generatif kini menjadi cabaran infrastruktur teras, bukan sekadar alat bantuan mengajar semata-mata. Institusi pendidikan tinggi kini bergelut untuk mengimbangi integriti akademik dengan keperluan melahirkan graduan yang 'celik AI'. Pada masa yang sama, nilai pulangan pelaburan (RoI) ijazah empat tahun mula dipersoalkan oleh Generasi Z dan Alpha susulan kemunculan konsep pensijilan mikro (micro-credentials) serta sijil tajaan industri. Evolusi ini membawa kepada konsep 'Multiversiti Hibrid' yang menekankan laluan pembelajaran sendiri dipacu AI, pensijilan bertingkat (stackable certification), serta integrasi krisis iklim sebagai kompetensi teras kurikulum.



## Dinamika Asia dan Integrasi ASEAN

Asia kini muncul sebagai pasaran pendidikan tinggi paling dinamik di dunia, namun ia berdepan dengan dualiti demografi yang ketara. Wilayah Asia Timur bergelut dengan penuaan populasi yang memaksa penyatuan universiti dan peralihan kepada pembelajaran sepanjang hayat bagi golongan dewasa. Sebaliknya, Asia Selatan dan Tenggara menghadapi ledakan belia (youth bulge) yang memerlukan massifikasi pendidikan tanpa menjejaskan kualiti. Trend mobiliti pelajar juga menunjukkan peralihan daripada barat ke timur kepada timur ke timur, di mana hab seperti Malaysia, Singapura, dan Hong Kong menjadi pilihan utama pelajar dari China dan India.

Di peringkat serantau, ASEAN sedang berusaha membina Ruang Pendidikan Tinggi yang harmoni melalui pelan tindakan 2025 untuk menyelaraskan jaminan kualiti dan sistem pemindahan kredit. Inisiatif seperti Basiswa Berjenama ASEAN diperkenalkan untuk memupuk identiti serantau. Walau bagaimanapun, jurang digital dalam aspek infrastruktur masih menjadi penghalang utama bagi integrasi digital yang menyeluruh merentas semua negara anggota.



## Konteks Malaysia: Transisi dan Strategi Masa Hadapan

Malaysia kini berada pada tahun peralihan yang kritikal memandangkan beberapa cabaran utama perlu ditangani termasuk ketakpadanan kemahiran akibat kekurangan bakat dalam sektor teknologi walaupun bilangan graduan meningkat. Cabaran kelestarian kewangan institusi pendidikan tinggi juga memerlukan institusi mempelbagaikan sumber pendapatan akibat persaingan sengit yang berlaku. Tambahan pula, migrasi pakar (brain drain) juga menjejaskan agenda pengekalan graduan berkemahiran tinggi dalam persaingan bakat global.

Sebagai langkah ke hadapan, Malaysia menerajui agenda transformasi pendidikan tinggi yang memfokuskan kepada inklusiviti dan kelestarian melalui transformasi digital. Inisiatif ini bakal memposisikan negara sebagai Hab Pendidikan Tinggi Serantau, melalui jaringan kerjasama strategik antarabangsa, enrolemen pelajar antarabangsa yang berkualiti, mobiliti akademik dan penyelidikan, serta pengukuhan reputasi universiti Malaysia di pentas global. Langkah sistematik dan bersinergi akan berupaya melahirkan sebuah ekosistem pendidikan tinggi yang lebih inklusif, progresif, berdaya saing dan berpaksikan nilai untuk masa depan negara.

Berdasarkan senario global dalam konteks pendidikan tinggi, UMK perlu memahami dinamika pemegang taruh serta mengurus isu dan cabaran kritikal yang telah dikenal pasti melalui analisis dalaman dan luaran universiti.



## Analisis Pemegang Taruh

Keupayaan UMK untuk kekal relevan bergantung kepada keupayaan memenuhi jangkaan pemegang taruh utama yang terdiri daripada pelajar, industri, kerajaan, dan warga kerja:

### a) Pelajar dan Komuniti:

Terdapat peningkatan permintaan global untuk pendidikan yang lebih fleksibel dan digital. Pelajar kini mencari nilai tambah melalui kursus *micro-Credential* dan mobiliti antarabangsa. Namun, isu keciciran pelajar bagi program Sarjana Muda masih menjadi perhatian yang perlu ditangani bagi memastikan kelangsungan pengajian akademik pelajar.

### b) Kerajaan dan Pembuat Dasar:

Sebagai universiti awam, UMK tertakluk kepada perubahan dasar kerajaan dan keperluan akreditasi. Sokongan geran kerajaan yang stabil masih menjadi kekuatan utama, namun terdapat ancaman pengurangan geran yang menuntut universiti mengoptimumkan sumber.

### c) Industri dan Rakan Kerjasama:

Jaringan industri yang aktif dan kolaborasi antarabangsa adalah kritikal. Industri memerlukan bakat yang kompeten, dan UMK memiliki peluang besar melalui kerjasama strategik untuk memperkasakan perkhidmatan dan kebolehpasaran graduan.

### d) Warga Kerja:

Warga kerja UMK merupakan pemegang taruh dalaman yang menjayakan UMK30 kerana mereka berperanan sebagai perancang, pelaksana dan penggerak utama kepada semua inisiatif strategik universiti.



## Isu dan Cabaran Strategik

Berdasarkan analisis persekitaran dalaman dan luaran, UMK berhadapan dengan empat (4) cabaran strategik utama yang perlu ditangani untuk memacu pertumbuhan:

### a) Kemampuan Kewangan dan Pengurusan Sumber

Cabaran paling kritikal adalah ketergantungan yang tinggi kepada geran kerajaan dalam situasi ancaman inflasi dan kenaikan kos operasi. Sumber dalaman yang terhad dan kawalan kos yang kurang optimum menuntut UMK meneroka sumber alternatif secara agresif. Peluang wujud melalui peningkatan kesedaran Wakaf, Endowmen, Zakat dan Sumbangan (WEZS) serta pemerkasaan produk komersial milik universiti dan koperasi.

### b) Daya Saing Akademik dan Global

UMK berhadapan dengan persaingan sengit daripada institusi lain (awam dan swasta). Walaupun UMK mempunyai kualiti program akademik yang dinamik, jumlah program *Transnational Education* (TNE) masih rendah dan cabaran pengantarabangsaan boleh merencatkan usaha pengantarabangsaan. UMK perlu memanfaatkan inovasi kurikulum dan reputasi pakar rujuknya untuk menarik lebih ramai pelajar antarabangsa.

### c) Infrastruktur Fizikal dan Transformasi Digital

Kekangan sumber kewangan telah menyebabkan fasiliti di sesetengah lokasi menjadi kurang kondusif dan peralatan tidak lengkap. Selain itu, faktor geografi kampus yang mencabar turut memberi kesan kepada pembangunan fizikal. Dari sudut teknologi, UMK berdepan cabaran untuk mengimplementasikan teknologi terkini seperti Data Raya dan AI di samping perlu menangani ancaman keselamatan siber yang semakin meningkat.

### d) Pembangunan Bakat dan Kapasiti Penyelidikan

Walaupun memiliki bakat *Rising Star* UMK menghadapi cabaran kekurangan staf teknikal dan risiko kehilangan tenaga pakar. Kecekapan operasi seharusnya disokong oleh pendekatan governan yang sistematik dan strategik. Pengurusan bakat yang strategik diperlukan untuk menyokong peningkatan pencapaian Penyelidikan dan Inovasi yang kini sedang berkembang positif.





## Rumusan

Secara keseluruhannya, analisis ekosistem pendidikan tinggi ini menunjukkan bahawa UMK mempunyai asas yang kukuh melalui mandat keusahawanan dan sokongan kepimpinan yang jitu. Namun, bagi mendepani cabaran tahun mendatang, fokus strategi perlu ditumpukan kepada pengukuhan kemampuan kewangan, pendigitalan yang menyeluruh, dan pemerksaan jaringan global bagi mengurangkan impak ancaman luaran serta memaksimumkan potensi dalaman universiti.



# ASPIRASI UMK30

# VISI

Menjadi Peneraju  
Pembangunan Insan Seimbang  
Dan Holistik Bercirikan Keusahawanan  
Bagi Kesejahteraan Global

Peneraju  
Pembangunan  
Insan Seimbang

Holistik  
Bercirikan  
Keusahawanan

Kesejahteraan  
Global

# MISI

UMK Komited Menyediakan Pendidikan,  
Penyelidikan dan Perkhidmatan Berkualiti  
Melalui Pendekatan Keusahawanan  
Humanistik Bagi Melahirkan Graduan  
Holistik dan Mendayaupaya Masyarakat  
Mampan

Pendekatan  
Keusahawanan  
Humanistik

Mendayaupaya  
Masyarakat  
Mampan

## NILAI TERAS

1

2

3

4

INTEGRITI


KEUSAHAWANAN

INKLUSIVITI

LESTARI

# VISI

Menjadi Peneraju Pembangunan Insan Seimbang Dan Holistik Bercirikan Keusahawanan Bagi Kesejahteraan Global.



## PENERAJU PEMBANGUNAN INSAN SEIMBANG

Memacu pembangunan insan berpengetahuan, berakhlak, stabil emosi dan sosial, serta mampu membuat keputusan bijaksana bagi menghadapi cabaran masa depan.

## HOLISTIK BERCIRIKAN KEUSAHAWANAN

Membangunkan warga universiti secara menyeluruh dengan minda keusahawanan, kreativiti, inovasi, kepimpinan dan kemahiran mencipta peluang serta menyelesaikan masalah secara proaktif.

## KESEJAHTERAAN GLOBAL

Melahirkan individu yang menyumbang kepada penyelesaian isu global melalui ilmu, inovasi, nilai kemanusiaan dan tindakan yang meningkatkan kesejahteraan masyarakat dunia.

# MISI

UMK Komited Menyediakan Pendidikan, Penyelidikan dan Perkhidmatan Berkualiti Melalui Pendekatan Keusahawanan Humanistik Bagi Melahirkan Graduan Holistik dan Mendayaupaya Masyarakat Mampan

## 01

### PENDEKATAN KEUSAHAWANAN HUMANISTIK

Pendekatan ini menekankan pembangunan ilmu dan kemahiran keusahawanan yang berteraskan nilai kemanusiaan, etika, empati dan tanggungjawab sosial. Ia bukan sekadar melahirkan individu yang mampu mencipta peluang dan inovasi, tetapi juga yang peka terhadap kesejahteraan manusia dan impak terhadap masyarakat serta kelestarian persekitaran. Keusahawanan humanistik memastikan graduan menjadi pemimpin yang berinovasi sambil menjaga nilai moral dan kemanusiaan.

## 02

### MENDAYAUPAYA MASYARAKAT MAMPAN

Elemen ini menekankan peranan universiti dalam memperkukuhkan keupayaan masyarakat melalui pendidikan, transformasi pengetahuan, penyelidikan dan pemindahan teknologi. Matlamatnya ialah membantu komuniti menjadi lebih berdaya saing, berdikari dan mampu mengekalkan kesejahteraan ekonomi, sosial dan kelestarian persekitaran dalam jangka panjang. Usaha ini menyokong pembentukan masyarakat yang berdaya tahan, inklusif dan mampan.

# NILAI TERAS



## INTEGRITI

Mengutamakan amanah, ketelusan, dan akauntabiliti dalam semua tindakan demi membina keyakinan warga universiti dan masyarakat.



## INKLUSIVITI

Menghargai kepelbagaian, keterangkuman dan kesaksamaan dengan memberi peluang yang adil kepada seluruh warga universiti dan komuniti.



## KEUSAHAWANAN

Menjadi peneraju kebitaraan keusahawanan dengan melahirkan bakat keusahawanan humanistik, menghasilkan graduan yang holistik, berdaya saing serta sejahtera, di samping memperkukuh jaringan alumni bagi menyokong kecemerlangan institusi.



## LESTARI

Memacu pembangunan universiti secara berterusan dengan menekankan kelestarian ekonomi, sosial dan kelestarian persekitaran demi kesejahteraan generasi kini dan akan datang.



## NARATIF UMK30

UMK memasuki fasa baharu 2026–2030 dengan satu komitmen yang jelas: menjadikan UMK sebuah Universiti Keusahawanan yang lebih berdaya saing, lebih lestari, lebih digital, dan memberi impak yang maksimum kepada komuniti serta negara. Lima (5) tahun mendatang bukan sekadar tempoh pelaksanaan strategi; ia adalah perjalanan transformasi menyeluruh untuk membawa UMK ke tahap kecemerlangan yang lebih tinggi.

Dengan tekad yang padu, UMK bercita-cita untuk terus memperkukuhkan kedudukan sebagai peneraju kebitaraan keusahawanan di Malaysia dan rantau ini. Sejak penubuhannya, UMK telah membuktikan bahawa sebuah universiti yang lahir dengan mandat keusahawanan mampu mencipta impak nasional melalui inovasi, pemerksaan komuniti dan penghasilan bakat yang berwibawa.

Dengan pengiktirafan dan akreditasi keusahawanan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, UMK berdiri sebagai institusi yang diiktiraf kerana kualiti program, penyelidikan dan ekosistem keusahawanannya. Kejayaan ini diperkukuh oleh kekuatan penghasilan tenaga pakar dalaman dan luaran yang berpengalaman dalam bidang keusahawanan, menjadikan UMK antara universiti dengan kapasiti kepakaran keusahawanan terunggul di negara ini.

Sebagai universiti keusahawanan, UMK komited mengangkat konsep keusahawanan humanistik; suatu pendekatan yang menyeimbangkan nilai kemanusiaan, integriti, empati dan tanggungjawab sosial dengan inovasi serta kelestarian. Pendekatan ini memastikan bakat yang UMK hasilkan bukan sahaja kompeten sebagai usahawan, tetapi turut menerapkan nilai kemanusiaan dalam setiap keputusan, perniagaan dan impak sosial yang dicipta dalam persekitaran masyarakat.

“ **UMK bercita-cita**  
untuk terus memperkukuhkan  
kedudukan sebagai peneraju  
kebitaraan keusahawanan di  
Malaysia dan rantau ini. ”

UMK30 menjadi landasan untuk mengukuhkan lagi peranan UMK sebagai universiti keusahawanan yang lestari, digital, inklusif dan global, seiring dengan aspirasi negara menuju masa depan yang lebih kompetitif. Melalui penyelidikan terapan, inovasi berimpak, pengantarabangsaan strategik dan pembudayaan keusahawanan humanistik, UMK berazam untuk menjadi universiti yang membentuk generasi pemimpin dan usahawan masa depan.

UMK30 merangkumi naratif sebuah universiti yang berani melangkah ke hadapan sebagai peneraju pembangunan keusahawanan, rakan strategik industri, penggerak komuniti, pemacu inovasi hijau serta platform mobiliti sosial untuk generasi masa hadapan. UMK30 bukan sekadar pelan perancangan, tetapi suatu perjalanan transformasi menyeluruh yang menegaskan peranan UMK sebagai peneraju kebitaraan keusahawanan, pemacu pembangunan bakat keusahawanan berteraskan nilai kemanusiaan, dan peneraju masa depan keusahawanan negara.

# TERAS KEUTAMAAN

# 7 TERAS UMK30





## TERAS 1 : KEUSAHAWANAN



### **PENERAJU KEBITARAAN KEUSAHAWANAN SERTA PENGHASILAN BAKAT KEUSAHAWANAN HUMANISTIK**

Teras ini menjadi tunjang identiti UMK sebagai Universiti Keusahawanan yang melahirkan bakat keusahawanan humanistik dan peneraju kebitaraan keusahawanan yang bukan sekadar mencipta peluang perniagaan, tetapi membentuk insan seimbang, beretika dan berjiwa pemimpin.

UMK telah ditubuhkan berdasarkan identiti sebagai sebuah Universiti Keusahawanan, berteraskan Keusahawanan Teras Kami. Sejak awal, UMK mengarusperdanakan pendidikan keusahawanan dalam kurikulum, penyelidikan, dan pembangunan pelajar. UMK menggariskan Teras 1: Peneraju Kebitaraan Pendidikan Keusahawanan serta Penghasilan Bakat Keusahawanan

Humanistik dan ini dizahirkan melalui mandat UMK sebagai sebuah Universiti Keusahawanan yang menyediakan pendidikan keusahawanan. Ini terbukti dengan pencapaian 15.8% Usahawan Graduan tertinggi dalam kalangan Universiti Awam (UA) pada 2023. Angka ini bukan sahaja melepasi sasaran nasional ketika itu, malah menjadikan UMK sebagai model rujukan dalam bidang pendidikan keusahawanan. Sehingga tahun 2025, UMK terus mengukuhkan kedudukannya melalui ekosistem Syarikat Siswa Universiti (SSU), penubuhan syarikat pemula pelajar berteraskan teknologi, serta penerapan modul keusahawanan digital dan AI. Pencapaian ini menunjukkan keberhasilan UMK dalam melahirkan graduan yang bukan sahaja sebagai pencari kerja, tetapi pencipta pekerjaan. Transformasi pendidikan keusahawanan ini akan memperkukuh imej UMK sebagai pusat kecemerlangan keusahawanan, sejajar dengan hasrat menjadikan UMK sebagai Universiti Keusahawanan Unggul di rantau Asia 2030.

Teras 1 turut mengambil kira aspirasi RPTM 2026-2035 yang menekankan keperluan institusi pengajian tinggi melahirkan graduan holistik, berpaksikan kemanusiaan (humanity-centred) berdaya saing global, serta berfikiran keusahawanan. UMK telah menyelaraskan aspirasi ini melalui integrasi kursus keusahawanan dalam semua program pengajian menerusi kerangka Pendidikan Keusahawanan Bersepadu (EIE), pengukuhan pembelajaran berasaskan pengalaman dalam industri dan komuniti, penawaran program baharu berteraskan inovasi digital dan penubuhan syarikat pemula berasaskan teknologi. Dengan transformasi ini, UMK bukan sahaja mendukung aspirasi nasional untuk melahirkan graduan berkemahiran tinggi, tetapi turut menyumbang kepada pembangunan bakat keusahawanan serantau.

DKN2030 turut menjadi rujukan penting dalam memperkukuh hala tuju Teras 1. DKN2030 menggariskan enam (6) teras strategik, antaranya pembudayaan keusahawanan dalam segenap lapisan masyarakat, mengoptimumkan sistem kawal selia dan capaian kepada pembiayaan kewangan, merangsang

pembangunan keusahawanan bersepadu dan holistik, memacu pertumbuhan ekonomi melalui perusahaan berteraskan inovasi, memantapkan keupayaan dan prestasi perusahaan mikro, kecil dan sederhana, dan mengantarabangsakan perusahaan berpertumbuhan tinggi. Sebagai Universiti Keusahawanan, UMK berada pada kedudukan strategik sebagai pemacu utama dasar ini di peringkat pendidikan tinggi. Inisiatif UMK seperti Pembangunan Indeks Universiti Keusahawanan (IUK), mengasas dan menerajui ASEAN *Entrepreneurship University Network* (AEUN), serta membangunkan platform *UMK Business Review* (UBR) selaras dengan DKN2030 dan menyokong sasaran negara untuk meningkatkan sumbangan PMKS kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), eksport, dan pekerjaan. Pada masa sama, UMK turut menyokong agenda Ekonomi MADANI, yang menekankan kesejahteraan, keadilan dan keberdayaan, dengan memperkenalkan konsep keusahawanan humanistik graduan usahawan yang berintegriti, inklusif dan menyumbang semula kepada masyarakat.

Sehubungan dengan itu, Teras 1 dirangka berpandukan kepada dua objektif strategik utama. Objektif pertama adalah untuk memartabatkan reputasi UMK sebagai peneraju kebitaraan pendidikan keusahawanan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Objektif ini menekankan usaha untuk memperoleh pengiktirafan, akreditasi, dan reputasi global melalui penyertaan dalam pertandingan, pembangunan Indeks Universiti Keusahawanan, keahlian AEUN dan UMK sebagai pusat rujukan ilmu keusahawanan di rantau Asia. Objektif kedua pula memberi fokus kepada memperkasa kemenjadian usahawan pelajar dan daya saing usahawan graduan. Ia melibatkan pengukuhan ekosistem Syarikat Siswa Universiti (SSU) melalui pembiayaan dan pendanaan, di samping pembangunan syarikat pemula pelajar berasaskan teknologi dan AI, pelaksanaan program pemecut keusahawanan, serta melahirkan 10 graduan usahawan jutawan dan usahawan humanistik yang menyumbang kembali kepada masyarakat. Selari dengan hala tuju ini, keberhasilan utama 2030 bagi Teras 1 ditetapkan

antaranya adalah 10 orang Graduan Usahawan Jutawan menjelang 2030 (*Millionaire Graduate Entrepreneur by 2030*), Indeks Universiti Keusahawanan (*Entrepreneurship University Index*), pencapaian 40 kejayaan pengiktirafan dan akreditasi keusahawanan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa sebagai penanda aras reputasi global institusi, pengukuhan 65% (781 orang) kepakaran keusahawanan dalam kalangan tenaga pengajar serta pembimbing dalaman dan luaran sebagai teras pembangunan modal insan universiti, penghasilan 3,600 usahawan pelajar UMK yang aktif menjalankan perniagaan sepanjang tempoh pengajian melalui pendekatan pembelajaran berasaskan amalan dan startup pelajar, serta penghasilan 2,500 usahawan graduan yang menceburi bidang keusahawanan selepas tamat pengajian sebagai indikator keberkesanan keseluruhan ekosistem keusahawanan universiti yang mampan dan berdaya saing selari dengan amalan terbaik pembangunan institusi keusahawanan global.

Berpaksikan kepada dasar-dasar ini, UMK bukan sahaja peneraju universiti keusahawanan di Malaysia, tetapi juga diiktiraf di peringkat Asia sebagai hab serantau dalam keusahawanan, inovasi, dan pembangunan komuniti. Hasrat ini juga sejajar dengan sasaran RMK-12 dan perancangan awal RMK-13, di mana keusahawanan dianggap sebagai pemacu pembangunan ekonomi wilayah. Oleh itu, Teras 1 bukan sekadar memperkukuh reputasi akademik, tetapi juga menjadi instrumen pemerikasaan ekonomi masyarakat setempat melalui penglibatan komuniti dan perusahaan mikro. UMK30 adalah instrumen menyeluruh yang menghubungkan mandat nasional, agenda pendidikan tinggi, dasar keusahawanan, dan aspirasi serantau. Ia menjadi landasan penting untuk UMK mengorak langkah sebagai Universiti Keusahawanan Unggul Asia 2030, memacu transformasi ke arah kesejahteraan masyarakat, pertumbuhan ekonomi inklusif, dan pembangunan lestari.



## **MEMPERKASA PROGRAM AKADEMIK UNGGUL SERTA MENGUKUHKAN JARINGAN GLOBAL**

Teras ini memperkukuh kedudukan UMK sebagai universiti keusahawanan berdaya saing global dengan menekankan kecemerlangan akademik berteraskan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta memperluas jaringan kolaborasi antarabangsa.

Seiring aspirasi UMK untuk menjadi Universiti Keusahawanan global menjelang tahun 2030, Teras 2 memainkan peranan penting dalam memastikan ekosistem akademik universiti berkembang secara holistik, relevan dan kompetitif. Fokus teras ini bukan sahaja tertumpu kepada peningkatan mutu program pengajian, tetapi turut memberi perhatian kepada pembentukan budaya keilmuan yang mampu melahirkan graduan berpengetahuan tinggi, beretika, inovatif serta responsif terhadap perubahan lanskap global. Dalam era Revolusi Industri 4.0 dan transformasi digital, UMK menekankan pendekatan pembelajaran inovatif dengan mengintegrasikan teknologi AI, analitik data dan platform pembelajaran fleksibel bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian ilmu serta memperluas akses pembelajaran sepanjang hayat kepada masyarakat.

Selaras dengan keperluan globalisasi pendidikan, Teras 2 turut memperkukuh aspek pengantarabangsaan melalui pengembangan rangkaian kerjasama strategik merentas sempadan. Usaha ini melibatkan peningkatan hubungan dengan institusi akademik antarabangsa, penglibatan aktif pelajar dan staf dalam program mobiliti, perluasan penawaran program TNE serta penglibatan pakar global dalam aktiviti akademik dan penyelidikan universiti. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan keterlihatan UMK di persada antarabangsa, malah mengukuhkan kedudukan universiti sebagai hab ilmu yang menyumbang kepada pembangunan modal insan bertaraf dunia.



Menjelang tahun 2030, UMK menetapkan beberapa sasaran strategik yang memperkukuh keupayaan program akademik yang unggul. Antaranya ialah penubuhan dua (2) fakulti dan satu (1) pusat pengajian baharu, peningkatan penawaran program pengajian akademik dan pengukuhan 100% program akademik mengintegrasikan elemen AI yang membolehkan program ditawarkan secara fleksibel. Langkah ini memperkukuh inovasi kurikulum agar lebih adaptif dan responsif kepada tuntutan industri masa depan. Pengenalan Model Tahfiz Profesional pada tahun 2026 akan menjadi pelengkap kepada pembangunan intelektual dan sahsiah mahasiswa melalui penerapan nilai-nilai murni, sekali gus melahirkan bakat muda yang seimbang daripada sudut akademik, etika dan jati diri. Usaha bersepadu ini bukan sahaja meningkatkan pro il akademik universiti, tetapi turut menyumbang kepada pembangunan sosial, ekonomi dan kesejahteraan masyarakat melalui penjana ilmu yang berkualiti dan relevan.

UMK berusaha memperkukuh kedudukannya dalam penarafan universiti peringkat Asia dan antarabangsa. UMK menyasarkan peningkatan signifikan dalam keterlihatan global melalui pencapaian beberapa indikator utama. Sasaran untuk berada dalam kelompok 300 universiti terbaik Asia, memastikan 10% pelajar UMK terdiri daripada pelajar antarabangsa,



serta memperoleh sekurang-kurangnya 10 program berakreditasi antarabangsa merupakan langkah strategik memperkukuh reputasi global universiti. Selain itu, sasaran penglibatan 5% pelajar dalam pembelajaran global serta peningkatan kepada 10% ahli akademik antarabangsa melalui lantikan profesor pelawat, profesor adjung dan penyelidik pasca-doktoral yang mampu memperkayakan pengalaman pembelajaran dan penyelidikan warga UMK. Peningkatan keterlibatan antarabangsa ini membuka ruang kepada kerjasama ilmiah yang lebih luas, sekali gus memantapkan kedudukan UMK sebagai hab pendidikan keusahawanan global.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan Teras 2 menjadi pemangkin utama transformasi UMK menuju kecemerlangan akademik dan antarabangsa. Dengan pemantapan kurikulum berteraskan teknologi, pengukuhan jaringan global serta peningkatan kualiti penyelidikan dan pembelajaran, UMK berada pada landasan yang tepat untuk mencapai aspirasi sebagai Universiti Keusahawanan Asia menjelang tahun 2030. Teras ini turut mengukuhkan peranan UMK sebagai pusat ilmu yang berdaya tahan, inklusif dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.



## PENGHASILAN PELAJAR HOLISTIK DAN PENGUKUHAN JARINGAN ALUMNI

Teras ini menumpukan pembangunan pelajar holistik berjiwa keusahawanan, cemerlang akademik, berfikiran kritikal, beretika dan berdaya kepimpinan serta memperkukuh jaringan alumni sebagai sumber kekuatan dan inspirasi UMK.

UMK terus komited dalam memperkukuh fungsinya sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang bukan sahaja menumpukan kepada penyampaian ilmu, tetapi juga pembentukan modal insan secara menyeluruh. Dalam era globalisasi yang sarat dengan perubahan teknologi, keperluan industri yang dinamik dan cabaran sosioekonomi yang kompleks, pembangunan pelajar serta pengukuhan jaringan alumni menjadi keutamaan strategik universiti. Teras ini dilaksanakan sebagai sebahagian daripada usaha UMK meningkatkan kualiti graduan, memperkukuh kecemerlangan institusi, serta memastikan kelestarian perkembangan universiti dalam jangka panjang.

Berperanan sebagai universiti berteraskan keusahawanan, UMK percaya bahawa pembangunan pelajar tidak boleh dipisahkan daripada ekosistem yang menyokong pertumbuhan intelektual, emosi, sosial, spiritual dan profesional. Justeru, pendekatan holistik menjadi asas kepada pelaksanaan strategi pembangunan pelajar. Pelajar bukan sahaja perlu memiliki kecemerlangan akademik, tetapi juga kompetensi insaniah, literasi digital, kemahiran kepimpinan, nilai keusahawanan dan keupayaan berfikir secara kritis selaras dengan tuntutan RPTM 2026-2035 dan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Melalui pendekatan holistik ini, UMK berhasrat melahirkan graduan yang seimbang, berdaya saing, dan mampu menyesuaikan diri dengan ekosistem pekerjaan yang sentiasa berubah.



Dalam konteks pembangunan pelajar, universiti berperanan sebagai pemangkin yang menyediakan ruang pembelajaran berasaskan pengalaman, sokongan kesihatan mental dan pembangunan kerjaya dan jaringan global. Oleh itu, UMK merangka pelbagai inisiatif strategik yang bersifat menyeluruh untuk menyokong perkembangan pelajar dari sudut intelektual, sahsiah, emosi dan fizikal. Antara fokus utama termasuk peningkatan kebolehpasaran graduan, pembangunan bakat pelajar, pengukuhan kemahiran insaniah, pensijilan profesional, mobiliti global, penglibatan sukan dan kebudayaan serta pelaksanaan program kesejahteraan mental dan fizikal. Kesemua inisiatif ini bertujuan memastikan graduan UMK bukan sahaja mampu memasuki pasaran kerja, tetapi mempunyai atribut keusahawanan humanistik yang bersedia memimpin, mencipta peluang dan menyumbang kepada masyarakat.

Seiring dengan agenda pembangunan pelajar, UMK mengiktiraf alumni sebagai aset strategik yang mempunyai potensi besar untuk terus menyumbang kepada universiti. Alumni bukan sekadar bekas pelajar tetapi merupakan rakan strategik yang menghubungkan universiti dengan industri, masyarakat dan jaringan profesional global. Melalui pengalaman kerjaya, kepakaran dan rangkaian hubungan yang luas, alumni memainkan peranan penting dalam membimbing pelajar melalui perkongsian ilmu, program mentor-mentee, peluang latihan industri, bimbingan kerjaya, dan pelbagai bentuk libat sama yang memberi impak langsung kepada pembangunan pelajar.

Hubungan strategik antara universiti dan alumni juga memberi nilai tambah kepada institusi melalui pembinaan reputasi, peluang kolaborasi industri, peningkatan keterlihatan serta sokongan kepada pelbagai agenda pembangunan termasuk penyelidikan, kebajikan pelajar dan pembangunan infrastruktur. Justeru, pengukuhan hubungan UMK–alumni bukan sahaja memperkayakan pengalaman pelajar, bahkan menyumbang kepada kelestarian dan kecemerlangan universiti.

Teras ini dirangka dengan matlamat untuk menggabungkan kedua-dua elemen utama tersebut ke dalam satu pelan strategik yang komprehensif. Teras ini memberi tumpuan kepada dua (2) objektif strategik:

1. Menghasilkan graduan UMK yang holistik dan berdaya saing, serta
2. Memperkasa libat sama alumni untuk pembangunan pelajar dan universiti .

Melalui objektif untuk menghasilkan graduan holistik dan berdaya saing Teras Pelajar dan Alumni menekankan tiga (3) usaha iaitu meningkatkan kobolehpasaran graduan, meningkatkan daya saing dan bakat pelajar serta meningkatkan kesejahteraan pelajar.

Sementara itu, objektif strategiknya memberi tumpuan kepada pembinaan hubungan jangka panjang dengan alumni melalui inisiatif pemeraksanaan alumni seperti pelaksanaan program Mentor–Mentee Alumni, Alumni *Internship Ambassador*, pemantapan Pengkalan Data Alumni, Program Alumni *Back to Campus / Alumni Homecoming*, Penubuhan *Chapter Alumni* Antarabangsa dan Negeri, Jaringan Industri dan Alumni dan Jelajah Alumni UMKPreneur dan Program Kasih Ukhuwah Alumni. Semua inisiatif ini menyokong pembentukan ekosistem alumni yang dinamik dan inklusif, yang bukan sahaja menghargai sumbangan alumni tetapi juga memupuk budaya keterlibatan berterusan demi perkembangan bersama. Inisiatif ini membolehkan alumni memainkan peranan lebih strategik dalam membantu pelajar melalui bimbingan profesional, perkongsian pengalaman industri, peluang kerjaya, serta sokongan moral dan material.

Secara keseluruhannya, Teras Pelajar dan Alumni ini menjadi asas kepada transformasi pelaksanaan dalam memastikan UMK kekal sebagai institusi unggul yang membentuk modal insan berkualiti, berdaya tahan dan kompetitif. Penggabungan pembangunan pelajar dan jaringan alumni secara strategik bukan sahaja membantu UMK memperkukuh kedudukannya dalam ekosistem pendidikan tinggi, tetapi juga menjamin kelestarian institusi melalui penciptaan nilai bersama antara pelajar, alumni dan universiti. Pelan strategik ini sekali gus mencerminkan wawasan UMK untuk melahirkan graduan cemerlang serta membina komuniti alumni yang setia, progresif dan berperanan besar dalam kemajuan universiti dan negara.

## TERAS 4 : PENYELIDIKAN DAN INOVASI

### **PENGUKUHAN EKOSISTEM PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN, INOVASI, KOMERSIALISASI DAN JARINGAN STRATEGIK UNTUK MENCAPAI EKONOMI YANG BERIMPAK MAMPAN**

Teras ini menumpukan kepada pengukuhan ekosistem penyelidikan dan inovasi yang dinamik serta berimpak tinggi, menjadikan penyelidikan sebagai pemacu kemajuan ekonomi, sosial, dan kesejahteraan komuniti.

Selaras dengan aspirasi UMK30 untuk menjadikan UMK sebuah Universiti Keusahawanan yang lebih berdaya saing, lestari, dan digital, Teras 4 memfokuskan pembangunan ekosistem penyelidikan yang lebih holistik, organik dan berimpak tinggi. Ekosistem ini meliputi keseluruhan rantai nilai penyelidikan bermula daripada penciptaan ilmu, pembangunan teknologi, penerapan inovasi, proses pengkomersialan sehingga ke pembentukan rangkaian strategik yang kukuh di peringkat nasional dan global. Penekanan diberikan kepada usaha memperkukuh kapasiti dan kompetensi penyelidik, memupuk budaya kolaborasi rentas disiplin, dan meningkatkan keberkesanan sistem sokongan penyelidikan yang lebih responsif dan mampan. Keseluruhan pendekatan ini dirangka untuk melahirkan kumpulan penyelidik yang berdaya saing dan berwibawa, yang mampu menerajui agenda penyelidikan universiti serta menyumbang kepada ekosistem inovasi nasional dan global.

Penguatan ekosistem penyelidikan ini diterjemahkan melalui objektif strategik yang memberi tumpuan kepada pembinaan asas penyelidikan yang mantap, lestari dan sejajar dengan keperluan semasa. Penekanan diberikan kepada pemantapan struktur, dasar, garis panduan dan sistem tadbir urus penyelidikan bagi mewujudkan persekitaran penyelidikan yang lebih kondusif, berintegriti dan produktif. Usaha ini turut diperkukuh melalui fokus terhadap pembangunan Ilmuwan Ulung UMK sebagai peneraju kecemerlangan penyelidikan



dan pemangkin utama kepada agenda penyelidikan universiti. Selain itu, pembangunan infrastruktur fizikal penyelidikan turut dipertingkatkan untuk menyokong pertumbuhan ekosistem penyelidikan jangka panjang.

Pendekatan menyeluruh ini memastikan UMK bukan sahaja terus berkembang dalam penghasilan ilmu baharu, tetapi juga memperkukuh ekosistem penyelidikan universiti secara strategik dan mampan. Ia seterusnya memastikan setiap penyelidik mempunyai platform yang optimum untuk melaksanakan aktiviti penyelidikan dan inovasi, selari dengan aspirasi universiti untuk muncul sebagai pusat rujukan ilmu dan penyelidikan yang berimpak tinggi.

Selain pemantapan ekosistem penyelidikan, Teras 4 turut memberi penekanan kepada penterjemahan hasil penyelidikan kepada nilai pasaran, yang memacu inovasi, komersialisasi dan penguatan

jaringan strategik ke arah ekonomi universiti yang berimpak mampan. Ini sekali gus memberi tumpuan kepada pemacuan budaya inovasi dalam kalangan warga universiti serta usaha mempercepat proses pengkomersialan hasil penyelidikan melalui pembangunan produk, teknologi dan perkhidmatan yang membawa nilai ekonomi dan sosial. Pendekatan ini merangkumi pengukuhan mekanisme perlindungan harta intelek, penambahbaikan proses pelesenan, pembangunan perniagaan, sokongan inkubasi pemula dan pelaksanaan strategi pemindahan teknologi. Dengan memanfaatkan kepakaran Ilmuwan Ulung UMK, universiti dapat meningkatkan daya saing yang berimpak mampan kepada pembangunan ekonomi.

Seterusnya, pemerikayaan jaringan strategik menjadi elemen penting yang menyokong keseluruhan ekosistem penyelidikan dan inovasi universiti. Pembentukan dan pengukuhan rangkaian kerjasama dengan agensi kerajaan, industri, komuniti dan institusi antarabangsa membolehkan UMK mengakses peluang kolaborasi penyelidikan yang lebih luas, pertukaran kepakaran dan sumber, serta meningkatkan peluang pelaburan dan pembangunan teknologi. Hubungan strategik ini bukan sahaja mengukuhkan kedudukan UMK sebagai Universiti Keusahawanan dalam ekosistem penyelidikan global, malah memastikan hasil penyelidikan dapat diterjemahkan kepada impak yang lebih signifikan untuk masyarakat dan negara. Selain itu, jaringan strategik ini turut memainkan peranan menyatukan keempat-empat komponen awal iaitu penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersialan ke dalam ekosistem yang saling melengkapi dan saling memperkukuh.

Menjelang tahun 2030, UMK menyasarkan tahap keberhasilan yang lebih kukuh dalam ekosistem penyelidikan dan inovasi melalui penglibatan aktif warga akademik serta peningkatan output strategik universiti. Sebanyak 75% staf akademik disasar berperanan sebagai Ketua Projek (PI), manakala 85% terlibat sebagai ahli projek dengan jumlah pendanaan penyelidikan mencecah RM22.5 juta. Kejayaan ini turut diperkukuh melalui pengiktirafan akademik berprestij,

termasuk dua staf akademik menerima Anugerah Akademik Negara (AAN) dalam mana-mana kategori, serta dua lagi diiktiraf dalam *Top Research Scientists Malaysia* (TRSM) oleh Akademi Sains Malaysia (ASM). UMK juga menetapkan sasaran untuk melahirkan sekurang-kurangnya 30 Ilmuwan Ulung selaras dengan kriteria universiti. Seiring dengan pengukuhan kapasiti penyelidikan, dua (2) Pusat Kecemerlangan (CoE) turut disasarkan untuk dinaik taraf kepada Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HiCoE) sebagai bukti peningkatan keupayaan dan impak penyelidikan.

Dari segi pemerikasaan inovasi dan pemindahan ilmu, universiti meletakkan sasaran untuk meningkatkan penjana pendapatan melalui usaha komersialisasi dan monetisasi hasil penyelidikan. Selain itu, UMK turut berhasrat mengukuhkan rangkaian kerjasama antarabangsa menerusi pelaksanaan Program Kolaboratif Antarabangsa. Keseluruhan indikator ini mencerminkan aspirasi UMK untuk terus muncul sebagai institusi penyelidikan keusahawanan yang berdaya saing, mampan dan berimpak tinggi di peringkat nasional dan global menjelang 2030.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan Teras 4 melalui gabungan dua (2) objektif strategik membentuk asas kukuh ke arah transformasi pembangunan ekosistem penyelidikan dan inovasi universiti yang bersepadu. Teras ini meletakkan UMK sebagai sebuah institusi yang bukan sahaja menghasilkan penyelidikan berkualiti tinggi, tetapi juga menerajui agenda inovasi, memperkukuh jaringan strategik, dan menyumbang secara signifikan kepada pembangunan ekonomi mampan. Melalui pelaksanaan Teras ini, UMK berupaya memperkukuh daya saingnya di peringkat nasional dan global serta memastikan impak penyelidikan dan inovasi dapat dirasai secara inklusif oleh warga universiti, agensi, industri, komuniti dan negara.



## PENGUKUHAN GOVERNAN UNIVERSITI DAN PEMERKASAAN BAKAT



Teras ini memfokuskan tadbir urus mantap dan bakat berdaya saing sebagai tonggak kecemerlangan universiti, dengan komitmen memperkukuh governan yang telus, berintegriti dan berakauntabiliti.

Teras Governan dan Bakat menjadi paksi utama kepada aspirasi UMK dalam merealisasikan matlamat yang digariskan melalui UMK30. Teras ini menekankan nilai-nilai murni seperti integriti, inovasi, keterangkuman, dan sinergi sebagai asas kepada pembentukan identiti warga UMK. Nilai-nilai ini bukan sahaja memupuk budaya kerja beretika dan saling menghormati, tetapi juga berperanan sebagai pemangkin dalam melahirkan bakat yang

berkualiti, unggul dan berdaya saing. Selaras dengan pemantapan governan, usaha ini akan memastikan UMK terus kekal mencapai kecemerlangan institusi secara holistik dan mampan.

Keberhasilan teras ini adalah diukur menerusi empat (4) KPI yang menjadi penentu kepada hala tuju strategik universiti. Menerusi dua (2) Objektif Strategik Teras 5, inisiatif dan teras strategik yang dilaksanakan oleh UMK adalah untuk membentuk kerangka tadbir urus yang dinamik, memperkukuh pembangunan modal insan, dan memastikan universiti terus cemerlang, mampan, dan berdaya saing.

KPI pertama menumpukan kepada kadar semakan dan pengemaskinian polisi sedia ada dalam konteks pengukuhan tadbir urus universiti manakala tiga (3) KPI seterusnya menumpukan kepada aspek pembangunan bakat yang diukur melalui pengisian jawatan kritikal dari barisan kepimpinan universiti yang berwibawa dan berprestasi tinggi, kadar peningkatan staf yang mencapai tahap kompetensi cemerlang, serta kadar staf yang menunjukkan sumbangan berimpak tinggi.

Penekanan utama diberikan kepada hasil kerja yang dapat diukur dan memberi impak nyata serta konsisten kepada kemajuan universiti. Bagi memantapkan dasar dan kepatuhan institusi, inisiatif utama yang direncanakan adalah Pengumpulan Pangkalan Data Polisi dan Dokumen Dasar bagi mewujudkan repositori digital berpusat yang mudah dicapai oleh staf. Keberhasilan yang disasarkan menjelang tahun 2030 adalah untuk memastikan kesemua dokumen polisi, garis panduan, dan peraturan dikemaskini serta dikumpulkan dalam satu repositori khas. Dalam usaha menyemai kesedaran governan, latihan dan program kesedaran berkaitan tadbir urus universiti, termasuk berkaitan kefahaman polisi, akan dilaksanakan kepada pegawai dan staf, demi memastikan setiap dasar difahami dan dipatuhi secara tuntas.

Menerusi Objektif Strategik pemerksaan bakat dan perancangan penggantian kepimpinan, UMK telah menggerakkan inisiatif strategik yang komprehensif. Pembangunan Pelan Penggantian (Succession Planning) dan Program Pembangunan Kepimpinan Khas merupakan prasyarat utama untuk memastikan setiap jawatan utama mempunyai barisan pelapis yang lengkap menjelang 2030, disokong dengan intervensi dan pembangunan kepimpinan yang berstruktur. Bagi meningkatkan taraf kompetensi staf akademik dan staf pentadbiran, Program Pembangunan Kompetensi Berstruktur dilaksanakan, diikuti dengan pendedahan praktikal melalui penugasan khas dan pusingan kerja (Job Rotation).

Sasaran yang ditetapkan adalah untuk memastikan setiap staf menerima latihan dan pendedahan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima (5) tahun, serta sekurang-kurangnya sembilan (9) daripada sepuluh staf (akademik dan pentadbiran) mencapai tahap kompetensi tinggi (markah 85% ke atas) berdasarkan instrumen penilaian prestasi yang digunakan sebelum transisi ke sistem *MyPerformance* menjelang 2030. Selain itu, Teras 5 turut mengutamakan pengiktirafan kepakaran dan keterlihatan staf melalui inisiatif meningkatkan bilangan staf yang diiktiraf sebagai pakar rujuk bidang dan berdaftar dengan badan profesional. Usaha ini bertujuan memastikan sekurang-kurangnya sembilan (9) daripada 10 staf menerima pengiktirafan berdasarkan kepakaran dari dalam mahupun luar negara melalui program-program jaringan kerjasama industri dan jaringan akademik antarabangsa.

Secara ironinya, setiap dasar baharu yang dibangunkan mestilah berakar umbi pada nilai-nilai teras governan yang murni. Nilai-nilai ini meliputi; i) Integriti iaitu melalui pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang telus; ii) Inovasi iaitu melalui polisi yang menyokong penerokaan akademik dan transformasi operasi; iii) Keterangkuman iaitu melalui prosedur yang adil, saksama dan inklusif; dan iv) Sinergi iaitu melalui tatacara kerja kolaboratif yang memperkukuh kerjasama. Kejayaan KPI ini membina struktur governan yang patuh, cekap, beretika,

dan teguh, sekali gus memastikan pelaksanaan UMK30 berjalan lancar, efektif, dan memberi impak berpanjangan kepada universiti, masyarakat, dan negara.

KPI seterusnya adalah penumpuan kepada kadar pengisian jawatan utama oleh barisan kepimpinan yang berwibawa dan berprestasi tinggi, yang mencerminkan kesiapsiagaan universiti dalam memastikan setiap posisi strategik diisi oleh individu yang bukan sahaja kompeten tetapi juga memiliki rekod prestasi cemerlang dan integriti yang utuh. Usaha ini disokong oleh Pembangunan Pelan Penggantian serta intervensi pembangunan kepimpinan yang berstruktur, dengan matlamat utama memastikan semua jawatan strategik mempunyai barisan pelapis yang lengkap menjelang tahun 2030. Menerusi KPI ini, kadar staf mencapai tahap kompetensi cemerlang mencerminkan keberkesanan program dalam meningkatkan keupayaan warga kampus. Pencapaian KPI ini dipacu melalui Program Pembangunan Kompetensi Berstruktur, bagi melahirkan modal insan unggul dan berimpak tinggi

Bagi mengukuhkan Teras 5 ini, sumbangan berimpak tinggi akan menentukan setiap usaha staf dapat diukur dan memberi impak nyata, dipacu melalui pengiktirafan kepakaran, penugasan khas, pusingan kerja, serta jaringan kerjasama industri dan akademik global, demi membina tenaga kerja dan kepimpinan masa depan UMK yang kukuh, cemerlang, dan berdaya saing.

Secara keseluruhan, Teras 5 ini membina struktur governan yang mantap, memupuk modal insan yang unggul, dan memacu transformasi universiti ke arah kecemerlangan holistik, dengan pendekatan hibrid (on-premise dan cloud), mampan, serta berimpak tinggi, bukan sahaja di peringkat nasional tetapi juga di peringkat antarabangsa.



### KEMAMPANAN KEWANGAN MELALUI PENGURUSAN KEWANGAN STRATEGIK

Teras ini menzahirkan komitmen UMK memastikan kelestarian dan ketahanan kewangan jangka panjang demi menyokong aspirasi sebagai universiti keusahawanan yang progresif & mampan.

Teras 6 merupakan salah satu asas kritikal dalam UMK30. Ia dirangka sebagai tindak balas terhadap cabaran kewangan pendidikan tinggi dan seiring dengan RPTM 2026-2035. Dalam era di mana universiti awam (UA) tidak lagi boleh bergantung sepenuhnya kepada peruntukan kerajaan, keperluan untuk membina daya tahan kewangan (financial resilience) adalah mendesak. Teras 6 ini bukan sekadar tentang pengurusan perbelanjaan, tetapi turut merangkumi transformasi budaya organisasi ke arah penjana nilai (value creation) yang strategik, cekap, dan mampan. Ia menuntut setiap Pusat Tanggungjawab (PTj) dan setiap warga UMK untuk beranjak ke arah menjadi entiti yang lebih proaktif dalam menjana pendapatan dan mengoptimumkan sumber sedia ada.

Dua (2) objektif strategik utama yang digariskan iaitu memperkukuh pendapatan universiti secara mampan dan memantapkan tadbir urus dan kecekapan pengurusan kewangan universiti adalah simbiosis yang saling melengkapi. Pemerkasaan objektif strategik ini dapat dijalankan menerusi inisiatif keusahawanan termasuk pengupayaan syarikat milik universiti, memaksimumkan pulangan daripada aset intelek dan fizikal, serta mengukuhkan kewangan sosial melalui WEZS. Pada masa yang sama, setiap perbelanjaan mesti diuruskan dengan penuh integriti, kecekapan, dan akauntabiliti holistik.

Kelestarian kewangan universiti tidak lagi diukur semata-mata berdasarkan keupayaan untuk mengawal perbelanjaan, tetapi kebolehan untuk mencipta nilai baharu dan memperkasa penjana pendapatan dalaman secara berterusan. Teras 6 meletakkan keutamaan kepada dua (2) dimensi utama yang saling berkaitan: pengukuhan hasil (revenue strengthening) dan pengurusan kecekapan kos (cost efficiency management). Gabungan kedua-dua dimensi ini akan membolehkan UMK bergerak ke arah autonomi kewangan yang lebih meluas. Justeru, menjamin kualiti pengajaran, penyelidikan, dan khidmat komuniti dapat diteruskan tanpa sebarang kekangan fiskal.



Matlamat utama Teras 6 adalah untuk mentransformasikan model kewangan UMK daripada kebergantungan terhadap dana kerajaan kepada satu struktur yang lebih seimbang, berdaya tahan dan lestari. Ini akan dapat dicapai dengan pendekatan strategik berikut:

1. Meningkatkan peratusan pendapatan dalaman berbanding perbelanjaan operasi tahunan.
2. Mewujudkan budaya kecekapan kewangan melalui tadbir urus yang telus dan pengurusan kos yang berhemah, strategik dan memenuhi keperluan institusi.

Menjelang tahun 2030, UMK disasarkan mencapai tahap keupayaan kewangan yang mampan melalui pengurusan kewangan strategik yang kukuh. Universiti perlu menjana sekurang-kurangnya 40% pendapatan sendiri daripada jumlah belanja operasi tahunan. Di samping itu, sekurang-kurangnya 5% pendapatan universiti akan dijana melalui pelaburan dan monetisasi aset, merangkumi sewaan ruang, latihan, penyelidikan, keusahawanan, perundingan dan sumber alternatif lain. Kedudukan kewangan UMK turut diperkuat melalui 80% pulangan dividen daripada syarikat milik universiti, menandakan keberkesanan tadbir urus dan keupayaan komersial syarikat universiti.

Selain itu, sekurang-kurangnya 3% dana WEZS daripada jumlah geran kerajaan perlu berjaya dikumpulkan sebagai sumber pendanaan tambahan untuk kelestarian kewangan. Usaha penjimatan turut diberi perhatian dengan sasaran 5% pengurangan perbelanjaan operasi secara keseluruhan, menunjukkan penekanan terhadap kecekapan kos dan pengurusan sumber yang optimum. Kesemua keberhasilan ini secara keseluruhan menyumbang kepada pencapaian UMK sebagai universiti keusahawanan yang mempunyai ekosistem kewangan yang lestari dan berdaya saing pada tahun 2030.



**SUASANA PERSEKITARAN YANG KONDUSIF DENGAN PENINGKATAN KUALITI INFRASTRUKTUR, PENDIGITALAN, DAN KESEJAHTERAAN KEHIDUPAN WARGA UNIVERSITI**



Teras ini menzahirkan iltizam UMK ke arah memperkasa suasana persekitaran yang kondusif dengan peningkatan kualiti infrastruktur, pendigitalan dan kesejahteraan kehidupan warga universiti. Teras ini menumpukan usaha UMK mewujudkan persekitaran kampus holistik, selamat dan inklusif dengan peningkatan infrastruktur fizikal dan digital bagi menyokong akademik, penyelidikan, keusahawanan dan pembangunan komuniti.

Teras ini memberi keutamaan kepada pembentukan suasana kampus yang kondusif melalui peningkatan kualiti infrastruktur, pemantapan pendigitalan dan pemerkasaan kesejahteraan kehidupan warga universiti. Pendekatan ini menzahirkan aspirasi UMK untuk mewujudkan sebuah ekosistem pembelajaran dan pekerjaan yang holistik, selamat, inklusif serta berupaya menyokong agenda akademik, penyelidikan, keusahawanan dan pembangunan komuniti.

Dari segi infrastruktur fizikal, UMK jelas menumpukan kepada penyediaan kemudahan yang berkualiti dan lestari sebagai asas kepada operasi universiti yang lebih berkesan. Dokumen strategik ini menunjukkan pelaksanaan pelbagai projek pembangunan dan naik taraf yang berpandukan kriteria keutamaan yang jelas, penyediaan garis panduan pematuhan projek serta pemantauan berterusan terhadap status projek termasuk projek lewat dan projek pra-pelaksanaan. Selain itu, universiti memberi penekanan kepada pengurusan tenaga yang lebih cekap melalui inisiatif pembaharuan seperti pemasangan lampu jalan solar, pembinaan tapak parkir solar dan pemasangan sensor automatik di ameniti awam. Pendekatan ini bukan sahaja mengurangkan kos elektrik, tetapi turut mengukuhkan komitmen UMK terhadap kelestarian tenaga serta penjagaan persekitaran kampus yang lebih responsif kepada keperluan masa depan. Seiring dengan peningkatan kemudahan fizikal, UMK turut melaksanakan transformasi menyeluruh terhadap infostruktur digital bagi memastikan kecekapan operasi dan keberkesanan perkhidmatan universiti. Usaha ini merangkumi penaiktarafan fasiliti dan rangkaian kampus, pemantapan pusat data serta pembangunan aplikasi utama universiti secara berfasa mengikut keutamaan operasi dan keperluan pengguna.

Universiti turut membangunkan dasar dan tadbir urus data, rangka kerja seni bina ekosistem data serta platform analitik strategik bagi menyokong keputusan pengurusan berasaskan data. Di samping itu, pelaksanaan pensijilan keselamatan maklumat MS ISO/IEC 27001:2022 menunjukkan komitmen UMK terhadap keselamatan siber dan tadbir urus digital yang mantap.

Pendigitalan turut diperkasa melalui pengembangan perpustakaan digital dan sumber ilmu terbuka melalui pembangunan kandungan digital dan pemerolehan bahan rujukan digital dari pelbagai penerbit pangkalan data. Usaha ini melibatkan pemerkasaan Koleksi Kelantanologi, pembangunan platform rujukan digital universiti, galakan fakulti menghasilkan kandungan digital, perluasan literasi digital warga kampus serta

penjajaran dengan piawaian UNESCO seperti *Digital Literacy Framework* dan *Memory of the World*. Pendekatan ini meningkatkan akses kepada ilmu, memelihara warisan intelektual dan budaya, serta membuka ruang kerjasama global dalam pembangunan kandungan akademik dan warisan digital UMK.

Dalam memastikan pembangunan kampus bersifat menyeluruh, UMK memberi penekanan besar kepada kesejahteraan kehidupan warga universiti. Program kerohanian, kebudayaan, riadah, sukan, inisiatif penghijauan kampus dan kempen kesedaran mental dilaksanakan bagi menyokong kesejahteraan psikologi, fizikal dan sosial warga UMK. Kajian kepuasan pengguna yang dijalankan secara berkala memberi gambaran jelas terhadap keperluan warga kampus serta memastikan intervensi kesejahteraan dilaksanakan secara terarah dan berimpak. Usaha ini membina suasana kampus yang lebih harmoni, produktif dan menyokong prestasi akademik serta profesional warga universiti.

Keberhasilan Utama UMK30 menggambarkan aspirasi universiti untuk membangunkan ekosistem kampus yang kondusif, moden dan berdaya saing melalui pemeraksanaan infrastruktur, infostruktur, perpustakaan digital serta persekitaran warga kampus. Menjelang 2030, UMK menetapkan sasaran 100% kesediaan infrastruktur, meliputi penyelesaian projek pembangunan, pematuhan garis panduan teknikal, pemantauan kemajuan projek serta pelaksanaan inisiatif penjimatan tenaga seperti pemasangan lampu solar dan tapak parkir solar.

Dalam aspek infostruktur, universiti menasarkankan peningkatan keupayaan digital sepenuhnya merangkumi fasiliti dan rangkaian ICT kampus, pusat data, keselamatan siber, pembangunan aplikasi teras serta pembentukan tadbir urus data yang kukuh. Pendekatan ini menyokong kecekapan operasi, kelestarian perkhidmatan serta peralihan kepada tadbir urus universiti berasaskan data yang lebih strategik dan responsif. Transformasi perpustakaan digital

menjadi komponen utama keberhasilan UMK30 melalui pembangunan sistem pintar, pendigitalan sumber dan penyediaan akses terbuka kepada pengguna.

Dari sudut persekitaran kampus, UMK menetapkan sasaran mencapai 100% Indeks Kepuasan Warga UMK melalui penyediaan program kesejahteraan mental, kerohanian, sukan, kebudayaan dan inisiatif kampus hijau. Kajian kepuasan secara berkala memastikan penambahbaikan dilakukan secara berterusan.

Dalam konteks peletakan jenama (brand positioning) UMK, inisiatif penjenamaan dan peletakan strategik melalui peningkatan keterlihatan digital, kandungan promosi berimpak dan jalinan kerjasama strategik akan berupaya memperkukuhkan jenama Universiti Keusahawanan Unggul serta kedudukan citra universiti di peringkat nasional dan antarabangsa menjelang 2030.

Secara keseluruhannya, teras ini menjadi asas ke arah transformasi dan komitmen UMK untuk mengupayakan kampus yang menyepadukan kecemerlangan fizikal, kekuatan digital dan kesejahteraan insan. Pendekatan integratif ini memastikan UMK bukan sahaja kekal relevan dalam landskap pendidikan tinggi, tetapi turut muncul sebagai institusi yang progresif, lestari dan berorientasikan masa hadapan.





“Rangka  
Strategik UMK30  
bukan sekadar  
perancangan, tetapi  
komitmen bersama  
ke arah transformasi  
universiti.”



# RANGKA STRATEGIK UMK30

## TERAS 1: KEUSAHAWANAN

### OS1: MEMARTABATKAN REPUTASI UMK SEBAGAI PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN DI PERINGKAT KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA

Objektif Strategik ini menekankan usaha UMK untuk memartabatkan reputasi sebagai peneraju kebitaraan pendidikan keusahawanan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sebagai universiti yang diwujudkan dengan mandat keusahawanan, UMK perlu memastikan

kedudukannya bukan sahaja diiktiraf dalam negara, tetapi juga menjadi rujukan global dalam pendidikan, penyelidikan, dan inovasi berteraskan keusahawanan. Kejayaan ini akan bergantung kepada dua (2) KPI. KPI pertama yang mencerminkan kekuatan institusi: pencapaian pengiktirafan dan akreditasi keusahawanan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, dan KPI kedua ialah peningkatan peratus kepakaran tenaga pengajar keusahawanan/pembimbing dalaman dan luaran yang menggerakkan ekosistem keusahawanan universiti. Kejayaan ini berpandukan kepada dua (2) KPI yang telah ditetapkan.

**KPI 1:** Kejayaan pengiktirafan/ akreditasi keusahawanan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.



Inisiatif Strategik	Kaedah Pengukuran
1: Pelaksanaan Aktiviti Pengiktirafan Dan Akreditasi Melalui Pertandingan/ Penilaian .	Bilangan aktiviti pengiktirafan dan akreditasi melalui pertandingan / penilaian setiap tahun.
2: Mewujudkan indeks bersepadu untuk mengukur, menilai dan memacu budaya serta ekosistem keusahawanan di universiti.	Penghasilan Indeks Universiti Keusahawanan (IUK).
3: Mewujudkan badan serantau yang menghubungkan ekosistem keusahawanan ASEAN merangkumi universiti di ASEAN.	Bilangan keahlian universiti dalam AEUN menjelang 2028.
4: Mewujudkan platform penerbitan berimpak tinggi yang menerbitkan hasil penyelidikan, analisis kes perniagaan, dan artikel pemikiran strategik berkaitan keusahawanan.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bilangan platform penerbitan.</li> <li>2. Bilangan sitasi.</li> <li>3. Bilangan muat turun.</li> <li>4. Bilangan kolaborasi penulis dari rantau ASEAN/Asia.</li> </ol>

**KPI 2:** Bilangan kepakaran keusahawanan tenaga pengajar / pembimbing dalaman dan luaran.



Inisiatif Strategik	Kaedah Pengukuran
1: Memperluas pensijilan profesional (CAPEE, BizAdvisor), pengiktirafan akademik, dan pensijilan pendidik keusahawanan di peringkat dalaman dan nasional.	Bilangan tenaga pengajar /pembimbing yang mempunyai kepakaran dalam bidang.
2: Memperkasakan pengiktirafan akademik, dan pensijilan pendidik keusahawanan di peringkat dalaman dan nasional.	Bilangan pengiktirafan akademik dan pensijilan pendidik keusahawanan.

**OS2: MEMPERKASA KEMENJADIAN USAHAWAN PELAJAR DAN DAYA SAING USAHAWAN GRADUAN**

Objektif Strategik ini memberi penekanan kepada matlamat UMK untuk melahirkan pelajar dan usahawan graduan. Fokus utama objektif ini ialah membina satu ekosistem pendidikan keusahawanan yang membolehkan pelajar mengasah bakat keusahawanan bermula di kampus, seterusnya meneruskan legasi

tersebut selepas tamat pengajian. Usaha ini penting bagi menjamin kedudukan UMK sebagai universiti keusahawanan yang membuktikan impak sebenar melalui kejayaan pelajar dan graduannya dalam dunia perniagaan berdasarkan kepada dua (2) KPI yang digariskan. Kedua-dua KPI ini saling melengkapi untuk memperkasa kemenjadian usahawan pelajar yang berdaya saing, inovatif, dan lestari. Pencapaian ini akan memperkukuh kedudukan UMK sebagai peneraju pendidikan keusahawanan.

**KPI 3:** Penghasilan usahawan pelajar UMK yang menjalankan perniagaan semasa tempoh pengajian.



Inisiatif Strategik	Kaedah Pengukuran
1: Melahirkan usahawan pelajar dan memperkukuh Syarikat Siswa Universiti (SSU) agar berdaya saing, mampan, mampu menjana pendapatan yang berterusan serta meneruskan keusahawanan sebagai pilihan kerjaya.	Bilangan pendaftaran SSU dan inisiatif/inkubator yang memberi impak kepada pembangunan usahawan, komuniti dan ekonomi.
2: Meningkatkan daya saing SSU melalui pembiayaan dan pendanaan.	Bilangan SSU yang memperoleh geran pembiayaan modal teroka, pendanaan dan hadiah pitching.
3: Meningkatkan daya saing SSU melalui modul keusahawanan berteraskan humanistik, inovasi, teknologi, AI.	Bilangan aktiviti/program/latihan/pertandingan keusahawanan berimpak tinggi.
4: Meningkatkan daya saing SSU melalui pementoran bersama rakan agensi dan industri.	Bilangan kolaborasi strategik bersama agensi, industri, NGO, IPT tempatan dan antrabangsa.
5: Pembentukan Syarikat Pemula Pelajar Berasaskan Inovasi dan Teknologi yang Dipacu Secara Digital.	Bilangan syarikat pemula pelajar yang mempunyai elemen teknologi dan inovasi.

**KPI 4:** Kejayaan usahawan graduan yang menceburkan diri dalam bidang keusahawanan setelah tamat pengajian.



Inisiatif Strategik	Kaedah Pengukuran
1: Melahirkan 10 graduan usahawan jutawan melalui pembangunan individu berpotensi dalam bidang keusahawanan dan pelaburan.	Bilangan graduan usahawan jutawan.
2: Memperkukuh program pemecut keusahawanan pelajar tahun akhir.	Bilangan aktiviti pecutan usahawan bagi pelajar tahun akhir.
3: Menyediakan sokongan perniagaan pasca graduasi yang holistik.	Bilangan pembangunan pengkalan data yang menghimpunkan syarikat DNA UMK yang berstatus mikro, kecil dan sederhana.
4: Melahirkan Usahawan Graduan Humanistik (UH).	Bilangan usahawan graduan humanistik yang menyumbang kembali kepada masyarakat dan universiti melalui WEZS, CSR atau endowmen.

## TERAS 2: AKADEMIK DAN ANTARABANGSA

### OS3: MEMPERKASA PENDIDIKAN DIGITAL DAN LESTARI

Objektif Strategik ini menggariskan dua (2) KPI utama, iaitu peratus program pengajian prasiswazah yang mengintegrasikan teknologi AI dan peratus program pengajian yang ditawarkan secara lestari, sebagai teras kepada transformasi pendidikan di UMK. Objektif ini menekankan pemeraksanaan agenda pendigitalan melalui penyepaduan AI dalam reka bentuk kurikulum serta perluasan akses pembelajaran pelbagai mod seperti *Massive Open Online Course (MOOC)*, *Micro-credential*, *Open and Distance Learning (ODL)*, pembelajaran teradun, pengajian mod industri, dan *Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL)* bagi memenuhi keperluan industri serta pembelajaran sepanjang hayat.

Pelaksanaan strategi ini merangkumi semakan dan penambahbaikan kurikulum, pembinaan kursus baharu yang berasaskan teknologi AI, latihan pembangunan bahan digital dan e-penilaian kepada warga akademik, serta pengukuhan platform digital universiti bagi memastikan penyampaian pengajaran lebih cekap, responsif dan berimpak tinggi. Inisiatif pemeraksanaan Program Tahfiz Profesional yang menggabungkan elemen ilmu aqli dan naqli turut menyokong matlamat ini, sekali gus melahirkan graduan yang mengintegrasikan kekuatan ilmu naqli sebagai panduan nilai akhlak dan ilmu aqli sebagai asas pemikiran analitikal dan penyelesaian masalah. Secara keseluruhannya, gabungan dua (2) KPI ini mendorong UMK ke arah ekosistem pendidikan masa depan yang lebih inklusif, mampan, dan selaras dengan aspirasi agenda nasional pendigitalan pendidikan tinggi. Oleh itu, objektif strategik ini akan dicapai berdasarkan lima (5) inisiatif strategik.

**KPI 5:** Peratusan program pengajian prasiswazah yang mengintegrasikan teknologi AI.



Inisiatif Strategik	Kaedah Pengukuran
1: Semakan semula kurikulum dan penambahbaikan kandungan kursus sedia ada dengan mengintegrasikan teknologi AI.	Peratusan program pengajian yang mengintegrasikan teknologi AI berbanding keseluruhan program pengajian prasiswazah di UMK.

**KPI 6:** Bilangan program pengajian lestari.



Inisiatif Strategik	Kaedah Pengukuran
1: Menawarkan program pengajian fleksibel yang menerapkan elemen MOOC, Micro-credential, ODL, pembelajaran teradun, mod pengajian berteraskan industri, APEL A, C dan Q, serta bentuk lain yang diiktiraf.	Peratus program pengajian yang ditawarkan secara fleksibel berbanding keseluruhan program pengajian di UMK.
2: Menubuhkan program dan fakulti/ pusat pengajian baharu.	Bilangan program dan fakulti/ pusat pengajian baharu ditubuhkan.
3: Menawarkan program pengajian bermodelkan Tahfiz Profesional dan membangunkan ekosistem yang menyokong penawarannya.	Bilangan program bermodelkan Tahfiz Profesional yang menggabungkan elemen ilmu aqli dan naqli.
4: Menawarkan modul program/ sijil profesional bagi menyokong pembelajaran sepanjang hayat.	Bilangan program/ pensijilan profesional yang ditawarkan.

#### OS4: MENINGKATKAN KETERLIHATAN KECEMERLANGAN

Objektif Strategik ini memfokuskan kepada satu (1) KPI utama, iaitu kedudukan UMK dalam penarafan global peringkat Asia. KPI ini bertindak sebagai indikator komprehensif yang mencerminkan reputasi akademik UMK melalui peningkatan bilangan pelajar antarabangsa, penglibatan pelajar dalam aktiviti pembelajaran global, perluasan program pengajian bertaraf antarabangsa, serta kehadiran pakar akademik antarabangsa di UMK. Objektif ini menekankan pengantarabangsaan pendidikan tinggi melalui strategi yang merangkumi peningkatan kemasukan pelajar antarabangsa, pemeraksanaan mobiliti pelajar dan staf, peluasan latihan industri dan sangkutan antarabangsa secara fizikal, maya atau hibrid, serta pembangunan program pengajian berasaskan model TNE. Selain itu, penarafan global juga didorong melalui usaha

menarik lebih ramai profesor pelawat, profesor adjung, penyelidik pasca-doktoral dan felo antarabangsa untuk menyumbang kepada ekosistem akademik UMK. Pelaksanaan strategi objektif strategik ini turut melibatkan penambahbaikan struktur sokongan universiti seperti pengukuhan sistem pengurusan mobiliti, kerjasama strategik dengan institusi luar negara, serta promosi antarabangsa yang lebih agresif dan berfokus. Usaha ini memastikan UMK bukan sahaja meningkatkan pendedahan global kepada pelajarannya, malah memperkukuh jaringan kolaborasi penyelidikan, pertukaran kepakaran dan pembangunan akademik rentas negara. Secara keseluruhannya, inisiatif di bawah OS4 menyokong hasrat UMK untuk muncul sebagai Universiti Keusahawanan Asia 2030 melalui peningkatan reputasi akademik yang mampan, jaringan antarabangsa yang lebih kukuh dan pembangunan modal insan yang berdaya saing di peringkat dunia. Objektif strategik ini akan dicapai melalui empat (4) inisiatif strategik.

**KPI 7: Kedudukan UMK dalam penarafan global peringkat Asia.**



Inisiatif Strategik	Kaedah Pengukuran
1: Meningkatkan jumlah pelajar antarabangsa.	Peratus pelajar antarabangsa berbanding bilangan keseluruhan pelajar.
2: Mendayaupayakan pelajar mengambil bahagian dalam aktiviti pembelajaran global, mobiliti, latihan industri, sangkutan, sama ada secara fizikal, maya, atau hibrid, yang melibatkan institusi luar negara atau kerjasama antarabangsa.	Peratus pelajar terlibat dalam pembelajaran global, mobiliti, latihan industri dan sangkutan industri di peringkat antarabangsa.
3: Membangunkan program pengajian yang menggunakan model TNE.	Bilangan program pengajian yang menggunakan model TNE.
4: Meningkatkan jumlah pakar antarabangsa yang menyumbang kepada UMK.	Peratus pensyarah/ profesor pelawat/ profesor adjung/ penyelidik pasca-doktoral/ felo antarabangsa berbanding keseluruhan staf akademik.



## TERAS 3: PELAJAR DAN ALUMNI

### OS5: MENGHASILKAN GRADUAN YANG HOLISTIK DAN BERDAYA SAING

Holistik merujuk kepada usaha melahirkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang dalam aspek akademik, tetapi turut mempunyai perkembangan menyeluruh dari segi sahsiah, kemahiran insaniah, kepimpinan, pemikiran kritis, kecergasan fizikal, serta nilai etika dan profesionalisme. Manakala berdaya saing adalah mereka mampu secara efektif dalam pasaran pekerjaan, mempunyai kemahiran relevan mengikut keperluan industri, serta mampu menyesuaikan diri dengan

perubahan dan cabaran global. Melalui objektif ini dalam teras pelajar dan alumni menekankan tiga (3) inisiatif iaitu meningkatkan kebolehpasaran graduan, daya saing dan bakat serta pengukuhan kesejahteraan pelajar. Melalui tujuh (7) elemen yang akan dilaksanakan dapat meningkatkan peratusan kebolehpasaran graduan. Peningkatan daya saing dan bakat pelajar melalui tujuh (7) indikator menyokong kepada nilai tambah dalam menghasilkan graduan yang holistik dan berdaya saing. Inisiatif strategik ke-3 adalah meningkatkan kesejahteraan pelajar melalui empat (4) indikator utama yang melibatkan prasarana, kebajikan dan juga penginapan pelajar.

#### KPI 8: Peratusan Bekerja Graduan.



Inisiatif Strategik	Kaedah Pengukuran
1: Meningkatkan Kebolehpasaran Graduan.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bilangan jaringan kolaborasi industri.</li> <li>2. Bilangan program pensijilan bersama.</li> <li>3. Bilangan penganjuran Kursus pensijilan kemahiran Bahasa Inggeris berasaskan keperluan industri.</li> <li>4. Bilangan program pembangunan pelajar.</li> <li>5. Bilangan Penglibatan Pelajar dalam Program <i>MySiswa Job on Campus</i>.</li> <li>6. Bilangan UMK <i>Talentbridge Programme</i> bersama syarikat GLC/MNC.</li> <li>7. Bilangan Penglibatan Pelajar dalam Program <i>Young Integrity Officer (YIO)</i>.</li> </ol>
2: Meningkatkan Daya Saing dan Bakat Pelajar.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bilangan penglibatan pelajar dalam debat melalui Pelan Pembangunan Debat.</li> <li>2. Bilangan penglibatan pelajar dalam pengucapan awam melalui Pelan Strategik Pengucapan Awam.</li> <li>3. Bilangan program <i>Talent Scouting</i>.</li> <li>4. Bilangan penyertaan pelajar dalam program berimpak tinggi yang membina sahsiah dan keperibadian.</li> <li>5. Bilangan penyertaan pelajar dalam program sukan berfokus.</li> <li>6. Peratusan pelajar yang menggunakan sistem e-Merit (Sijil Kompetensi Mahasiswa).</li> <li>7. Bilangan pelajar dibawah inisiatif pelan-pembangunan dan dasar skim biasiswa kemasukan khas atlet.</li> </ol>

**KPI 9:** Peratusan pawaian indeks kesejahteraan pelajar.




Inisiatif Strategik	Kaedah Pengukuran
1: Meningkatkan kesejahteraan pelajar.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bilangan pelajar yang mendapat manfaat melalui inisiatif Dapur Madani.</li> <li>2. Bilangan Penambahbaikan Prasarana dan Perkhidmatan Sokongan Pelajar.</li> <li>3. Bilangan Penaiktarafan Bilik Penginapan Pelajar Antarabangsa.</li> <li>4. Bilangan pelajar yang menerima bantuan Program <i>Siswa Care</i>.</li> </ol>

**OS6: MEMPERKASAKAN LIBAT SAMA ALUMNI UNTUK PEMBANGUNAN PELAJAR DAN UNIVERSITI**

Pemeriksaan penglibatan alumni sebagai rakan strategik dalam ekosistem pendidikan tinggi merupakan elemen penting yang memberi impak langsung kepada pembangunan universiti. Usaha ini menekankan penglibatan alumni secara berstruktur bagi menyokong pembangunan modal insan, memperkaya perkongsian kepakaran industri, serta meningkatkan reputasi dan daya saing institusi. Melalui pelaksanaan strategi yang holistik dan mampan, universiti bermatlamat untuk mengoptimalkan jaringan alumni sebagai pemangkin kepada kecemerlangan akademik, peningkatan

kebolehpasaran graduan dan kelestarian universiti. Inisiatif ini turut merangkumi pembentukan ekosistem alumni yang dinamik dan inklusif, yang bukan sahaja menghargai sumbangan mereka, tetapi juga memupuk budaya keterlibatan berterusan demi perkembangan bersama. Penglibatan alumni secara aktif membolehkan mereka memainkan peranan lebih signifikan dalam menyokong pembangunan pelajar melalui bimbingan profesional, perkongsian pengalaman industri, penyediaan peluang kerjaya, serta sokongan moral dan material. Dengan sokongan strategik ini, hubungan alumni–universiti dapat diperkukuh untuk memacu agenda kecemerlangan institusi secara berterusan.

**KPI 10:** Peratusan alumni yang terlibat sama dalam program/ aktiviti dengan alma mater setiap tahun.



Inisiatif Strategik	Kaedah Pengukuran
<p>1: Memperkasakan Keterlibatan dan Jaringan Alumni.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bilangan penglibatan alumni dalam Program Mentor–Mentee Alumni.</li> <li>2. Bilangan penglibatan syarikat alumni dalam Program Alumni <i>Internship Ambassador</i>.</li> <li>3. Bilangan alumni yang mengemaskini Pangkalan Data Alumni.</li> <li>4. Bilangan penyertaan alumni dalam Program Alumni <i>Back to Campus / Alumni Homecoming</i>.</li> <li>5. Bilangan Penubuhan <i>Chapter Alumni</i> Antarabangsa &amp; Negeri.</li> <li>6. Bilangan penglibatan alumni dalam Program Jaringan Industri &amp; Alumni <i>Networking Dinner</i>.</li> <li>7. Bilangan penglibatan alumni dalam Jelajah Alumni UMKPreneur &amp; Program Kasih Ukhuwah Alumni.</li> </ol>




## TERAS 4: PENYELIDIKAN DAN INOVASI

### OS7: MENGUKUHKAN EKOSISTEM PENYELIDIKAN UNIVERSITI SECARA HOLISTIK DAN MAMPAN

Objektif Strategik ini memberi tumpuan kepada pengukuhan ekosistem penyelidikan universiti secara menyeluruh dengan memastikan setiap komponen yang menyokong agenda penyelidikan berfungsi secara bersepadu, mampan dan responsif terhadap keperluan semasa. Pendekatan holistik ini menekankan pembinaan keupayaan dalaman yang kukuh, pengukuhan tadbir

urus dan pemantapan budaya penyelidikan yang berintegriti, inovatif dan berimpak. Melalui Objektif Strategik ini, UMK berhasrat membangunkan persekitaran penyelidikan yang dapat melahirkan Ilmuwan Ulung, memacu penghasilan ilmu baharu, memperkukuh kerjasama strategik serta meningkatkan keupayaan universiti untuk menyumbang secara signifikan kepada pembangunan komuniti, industri dan negara. Bagi menjayakan Objektif Strategik ini, sebanyak sembilan (9) Inisiatif Strategik telah dirangka bagi memperkukuh ekosistem penyelidikan secara menyeluruh, berfokus dan mampan.


#### KPI 11: Pemantapan Ekosistem Penyelidikan UMK yang Berimpak Mampan.



Inisiatif Strategik	Kaedah Pengukuran
1: Memperkukuh dasar, struktur dan tadbir urus penyelidikan UMK yang cekap, telus dan responsif melalui semakan menyeluruh serta penyeragaman semua garis panduan, proses kelulusan dan mekanisme pemantauan geran dalaman dan luaran.	1. Bilangan garis panduan, polisi dan proses kerja penyelidikan yang disemak, dipinda, dirasionalisasi dan diseragamkan di peringkat universiti. 2. Bilangan polisi, garis panduan baharu dan proses kerja baharu dibangunkan.
2: Membangunkan UMK Scholar360-Ilmuwan Ulung <i>Intelligence &amp; Impact System</i> (sistem pemantauan kualiti dan impak penyelidikan berasaskan data yang menjejak keberhasilan projek dari sudut geran, penerbitan, pengiktirafan, pemindahan ilmu serta manfaat nyata kepada komuniti dan pemegang taruh, serta kemampuan ke peringkat inovasi dan komersialisasi), pangkalan data strategik kepakaran Ilmuwan Ulung UMK, dan papan pemuka ekosistem penyelidikan.	1. Peratusan pembangunan sistem (UMK Scholar360-Ilmuwan Ulung <i>Intelligence &amp; Impact System</i> ).

3: Memperkasakan pemerolehan geran bagi meningkatkan jumlah pendanaan penyelidikan universiti (termasuk perundingan, geran padanan, dan penyelidikan kontrak yang merangkumi geran luar, kementerian, industri/agensi, dan antarabangsa) menerusi pangkalan data strategik kepakaran Ilmuwan Ulung UMK.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jumlah pendanaan geran penyelidikan yang diperoleh.</li> <li>2. Bilangan projek penyelidikan baharu berdasarkan bidang kepakaran utama/kluster UMK menerusi padanan strategik dengan sumber dana dalam pangkalan data.</li> </ol>
4: Meningkatkan kualiti penulisan cadangan dan pembentangan idea bagi meningkatkan bilangan penghantaran permohonan serta bilangan penerima bagi geran kementerian, antarabangsa dan industri/agensi.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bilangan penghantaran permohonan geran penyelidikan.</li> <li>2. Bilangan penerima geran penyelidikan baharu (ketua projek).</li> <li>3. Peratusan staf akademik sebagai penyelidik (utama atau ahli projek) dalam sekurang-kurangnya satu projek penyelidikan aktif.</li> </ol>
5: Menggiatkan pelaksanaan Projek Strategik Berimpak yang memberi impak kepada universiti, komuniti, industri dan negara.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bilangan Projek Strategik Berimpak.</li> <li>2. Bilangan projek berteraskan kepintaran buatan yang merangkumi geran agensi nasional, antarabangsa, sokongan industri dan sumber lain.</li> <li>3. Jumlah kumulatif penerima manfaat komuniti.</li> </ol>

#### KPI 12: Pengukuhan Pembangunan Ekosistem Penyelidikan UMK.




Inisiatif Strategik	Kaedah Pengukuran
1: Program Pengukuhan Ilmuwan Ulung dan Bakat Penyelidik.	1. Bilangan penyelidik yang mencapai penanda aras Ilmuwan Ulung melalui pengiktirafan kecemerlangan penyelidikan di peringkat nasional dan global ( <i>H-index</i> /sitasi/pengiktirafan mengikut kriteria universiti).
2: Pengukuhan Infrastruktur dan Makmal Penyelidikan.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bilangan makmal/kemudahan yang mendapat akreditasi atau pengiktirafan standard (ISO).</li> <li>2. Nilai perolehan/naik taraf/penyelenggaraan peralatan teras penyelidikan.</li> <li>3. Bilangan ruang fizikal kompleks penyelidikan dan inovasi.</li> <li>4. Bilangan staf sokongan teknikal dan pengurusan dalam kluster penyelidikan utama.</li> </ol>
3: Pemetaan dan Pemantapan Kluster Penyelidik	1. Bilangan Pusat Kecemerlangan (CoE) yang berkembang menjadi Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HiCoE).
4: Pemantapan Budaya dan Komuniti Ilmiah	1. Bilangan program Pemantapan Budaya dan Komuniti Ilmiah.

**OS8: MEMACU INOVASI, KOMERSIALISASI DAN JARINGAN STRATEGIK KE ARAH EKONOMI UNIVERSITI YANG BERIMPAK MAMPAN**

Objektif Strategik ini memberi penekanan kepada pemacuan inovasi, pengkomersialan dan pembentukan jaringan strategik yang mampu memperkukuh ekonomi universiti secara mampan. Melalui pendekatan bersepadu ini, UMK komited memperkasakan budaya inovatif dalam kalangan penyelidik dan pelajar, mempercepat pengalihan hasil penyelidikan kepada nilai pasaran, serta memantapkan mekanisme pengkomersialan yang dapat menjana pulangan sosial dan ekonomi. Pada masa yang sama, pembinaan dan


pengukuhan jaringan strategik bersama industri, agensi kerajaan, komuniti dan rakan antarabangsa berperanan penting dalam memperluas ekosistem inovasi universiti, memperkaya perkongsian sumber, serta mewujudkan peluang kolaborasi bernilai tinggi. Pendekatan ini memastikan UMK terus berdaya saing sebagai Universiti Keusahawanan yang berimpak global, sambil menyumbang secara signifikan kepada pembangunan ekonomi, kesejahteraan masyarakat dan kemajuan teknologi negara. Bagi menjayakan objektif strategik ini, sebanyak sebelas inisiatif strategik telah dirangka bagi memacu inovasi, komersialisasi dan jaringan strategik ke arah ekonomi universiti yang berimpak mampan.

**KPI 13: Pemacuan Komersialisasi, Inovasi dan Pengkomersialan UMK.**



Inisiatif Strategik	Kaedah Pengukuran
1: Menggiatkan pembangunan produk dan teknologi melalui peningkatan bilangan harta intelek yang didaftarkan dan penyelidikan dikomersialkan.	1. Bilangan produk/teknologi dikomersialkan. 2. Bilangan harta intelek didaftarkan.
2: Memperkukuh usaha komersialisasi dan monetisasi melalui penubuhan unit perniagaan berasaskan produk komuniti bagi meningkatkan pendapatan universiti daripada RM0.5 juta (2026) kepada RM3 juta (2030).	1. Nilai penjanaan pendapatan dalam RM (juta).
3: Memperkasakan pemecut <i>start-up</i> dan <i>spin-off</i> untuk meningkatkan bilangan syarikat permulaan dan universiti <i>spin-off</i> yang berjaya dibangunkan.	1. Bilangan syarikat permulaan dan <i>spin-off</i> universiti yang berdaftar dan aktif.
4: Memperkukuh kolaborasi industri dan ekosistem melalui Hab Kerjasama serta memperkemas proses pembangunan MoU bagi meningkatkan bilangan rakan kerjasama daripada 10 (2026) kepada 30 (2030).	1. Bilangan projek kolaborasi dan kerjasama strategik.
5: Memperkasa mekanisme <i>Recognition Engine</i> bagi meningkatkan bilangan pengiktirafan dan anugerah inovasi/ pengkomersialan pada peringkat nasional dan global dari 3 (2026) ke 20 (2030).	1. Bilangan pengiktirafan. 2. Bilangan anugerah inovasi.

**KPI 14: Pemerdayaan Jaringan Strategik UMK.**



Inisiatif Strategik	Kaedah Pengukuran
1: Menjalin Memorandum Persefahaman dan Memorandum Perjanjian (MoU/MoA) baharu dan memperkasakan Memorandum Persefahaman dan Memorandum Perjanjian (MoU/MoA) sedia ada dengan industri, agensi kerajaan, dan universiti global dalam bidang penyelidikan dan pengkomersialan, serta jaringan strategik dan pengantarabangsaan.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bilangan MoU/MoA aktif yang ditandatangani setiap tahun.</li> <li>2. Bilangan pemantauan MoU/MoA sedia ada.</li> <li>3. Nilai potensi kerjasama (RM).</li> <li>4. Bilangan program/projek/ geran kolaboratif di bawah MoU/MoA.</li> <li>5. Bilangan Program Kolaboratif Antarabangsa.</li> <li>6. Jumlah pertukaran staf, akademik dan penyelidik.</li> </ol>
2: Menubuhkan panel penilai industri bagi setiap kluster penyelidikan utama.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bilangan kluster penyelidikan yang mempunyai panel industri berfungsi/aktif.</li> <li>2. Bilangan mesyuarat panel.</li> <li>3. Bilangan cadangan penambahbaikan atau peluang kerjasama yang dihasilkan oleh panel.</li> </ol>
3: Membangunkan Sistem Jaringan Strategik (penyelidikan, pengkomersialan, perundingan, pembelajaran berasaskan kerja, dan latihan industri).	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bilangan sistem pangkalan data yang mengukur kualiti dan kuantiti jaringan strategik dengan universiti, industri, serta komuniti dalam dan luar negara.</li> </ol>
4: Menggalakkan projek/program komuniti bersama dengan industri, komuniti dan agensi pembiayaan.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bilangan projek /program komuniti yang dibiayai bersama.</li> <li>2. Jumlah nilai pembiayaan bersama (RM).</li> </ol>
5: Membangunkan Rangkaian Penyelidikan merentasi universiti, industri dan komuniti serantau.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bilangan institusi/ agensi/pertubuhan bukan kerajaan yang menjadi ahli rangkaian.</li> <li>2. Bilangan program, bengkel atau projek di bawah rangkaian penyelidikan.</li> <li>3. Bilangan keterlibatan serantau/ antarabangsa (ASEAN/Asia).</li> </ol>
6: Menubuhkan Program Padanan Penyelidik-Industri untuk tujuan komersial.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bilangan sesi padanan penyelidikan-industri atau sesi pepadanan teknologi yang dianjurkan.</li> <li>2. Bilangan syarikat atau pelabur yang terlibat.</li> <li>3. Bilangan projek atau produk yang dipadankan untuk tujuan pelesenan, pembangunan bersama, atau penubuhan syarikat pemula.</li> </ol>

## TERAS 5: GOVERNAN DAN BAKAT


### OS9: MEMPERKUKUH GOVERNAN UNIVERSITI BERASASKAN NILAI INTEGRITI, INOVASI, KETERANGKUMAN DAN SINERGI

Governan Universiti perlu diperkukuh dengan mengintegrasikan nilai-nilai teras integriti, inovasi, keterangkuman, dan sinergi untuk memastikan pengurusan institusi yang berkesan dan bertanggungjawab. Penerapan integriti menjamin ketelusan dan akauntabiliti dalam setiap proses pentadbiran, akademik, dan kewangan, membina kepercayaan di kalangan pihak berkepentingan. Penekanan terhadap inovasi pula memacu universiti

untuk sentiasa relevan dan berdaya saing melalui pembaharuan dalam kurikulum, penyelidikan, dan operasi, sekali gus meningkatkan kualiti pendidikan dan sumbangan kepada masyarakat.

Selain itu, elemen keterangkuman memastikan semua komuniti universiti iaitu staf, pelajar, dan pihak luar dilibatkan secara adil dan saksama dalam pembuatan keputusan dan pelaksanaan program, mencerminkan kepelbagaian dan kebersamaan. Akhir sekali, pemupukan sinergi menggalakkan kerjasama erat dan kolaboratif antara fakulti, jabatan, industri, dan komuniti bagi memaksimumkan impak dan sumber yang ada. Dengan mengamalkan governan berasaskan nilai-nilai ini, universiti akan mencapai kecemerlangan, kemampanan, dan impak positif yang lebih meluas.

**KPI 15:** Peratusan semakan polisi sedia ada dan dikemaskini ke arah pengukuhan governan universiti.




Inisiatif Strategik	Kaedah Pengukuran
1: Pengumpulan Pangkalan Data Polisi dan Dokumen Dasar bagi mewujudkan repositori digital berpusat yang boleh dicapai oleh staf.	Bilangan semakan semula polisi/ dokumen dasar sedia ada di universiti.
2: Latihan dan Program Kesedaran berkaitan governan universiti. Bengkel kefahaman polisi untuk pegawai & staf agar polisi dipatuhi dan difahami.	Bilangan latihan dan program kesedaran berkaitan governan universiti.

## OS10: MEMPERKASA STAF AKADEMIK DAN PENTADBIRAN KE ARAH KECEMERLANGAN

Ekosistem pemerksaan bakat universiti dimulakan dengan penetapan standard kompetensi cemerlang sebagai asas keupayaan wajib semua staf. Berlandaskan asas kukuh ini, prestasi dinilai melalui keupayaan staf menjana sumbangan berimpak tinggi yang signifikan. Kemuncak kejayaan ekosistem ini dicerminkan oleh kejayaan pengisian jawatan utama, yang diisi oleh barisan pemimpin berprestasi tinggi yang dibangunkan secara dalaman daripada kolam bakat yang dilatih. Sumbangan berimpak tinggi di


universiti bermaksud menghasilkan impak positif dan ketara melangkaui diri individu, meliputi skop organisasi dan komuniti yang lebih luas. Ia tidak terhad kepada pencapaian peribadi, sebaliknya merangkumi kepimpinan, inovasi, dan perkhidmatan yang memberi manfaat kepada pihak lain. Untuk mencapai impak ini, staf perlu mempamerkan kecemerlangan pada tahap kompetensi tertinggi iaitu, apabila mereka diiktiraf sebagai Pakar Rujuk Bidang di peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Pengiktirafan ini bukan sahaja melonjakkan reputasi staf, tetapi turut memberikan nilai tambah yang besar kepada universiti secara keseluruhan.

**KPI 16:** Peratusan Pengisian Jawatan Utama daripada Barisan Kepimpinan yang Berwibawa dan Berprestasi Tinggi.




Inisiatif Strategik	Kaedah Pengukuran
1: Pembangunan Pelan Penggantian (Succession Planning).	Peratusan jawatan utama yang mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) calon pelapis.
2: Program Pembangunan Kepimpinan Khas.	Bilangan pemimpin pelapis yang dilatih dalam program khas bagi pengisian jawatan utama.
3: Pendedahan Melalui Penugasan Khas dan Pusingan Kerja (Job Rotation).	Peratusan calon pelapis yang terlibat dalam pusingan kerja atau projek khas.

**KPI 17: Peratusan Staf Mencapai Tahap Kompetensi Cemerlang.**



Inisiatif Strategik	Kaedah Pengukuran
1: Program Pembangunan Kompetensi Berstruktur.	Bilangan siri latihan/bengkel yang dilaksanakan.

**KPI 18: Peratusan Staf Menunjukkan Sumbangan Berimpak Tinggi.**



Inisiatif Strategik	Kaedah Pengukuran
1: Meningkatkan staf diiktiraf sebagai pakar rujuk atau berdaftar dengan badan profesional.	Peratusan Staf yang berdaftar atau diiktiraf oleh komuniti, industri atau agensi kerajaan atau dilantik sebagai Pensyarah Pelawat/ Penasihat/ Perunding/ ahli tertinggi persatuan akademik/ profesional/ panel penceramah/ penilai/ jawatankuasa atau <i>taskforce</i> di peringkat negeri/ kebangsaan/ antarabangsa.
2: Keterlihatan staf melalui program jaringan kerjasama industri dan Akademik Antarabangsa.	Bilangan program sangkutan/ sabbatical/ kolaborasi antarabangsa (Visibility).

## OS11: TERAS 6: KEWANGAN


### MEMPERGIATKAN PENJANAAN SUMBER PENDAPATAN UNIVERSITI SECARA MAMPAN MELALUI PELBAGAI INISIATIF

Bagi memastikan kelestarian kewangan universiti dalam jangka panjang, UMK perlu memperkukuh struktur pendapatannya melalui pendekatan yang lebih mampan, terancang dan berimpak tinggi. Kebergantungan kepada dana kerajaan perlu dikurangkan secara progresif dengan mempelbagaikan sumber kewangan yang mampu menjana pulangan stabil serta menyokong perkembangan akademik, penyelidikan dan keusahawanan universiti. Usaha ini menuntut strategi yang lebih holistik, termasuk pengukuhan model yuran, pemerkasaan program pendidikan baharu, peningkatan

penyertaan pelajar antarabangsa, serta penyusunan semula strategi komersialisasi yang lebih agresif dan tersusun.

Pada masa yang sama, objektif strategik ini turut menekankan kepentingan memanfaatkan aset, kepakaran dan ekosistem universiti secara optimum agar mampu menghasilkan nilai tambah serta meningkatkan pulangan kepada UMK. Potensi universiti dalam bidang penyelidikan, latihan profesional, keusahawanan, industri kreatif dan teknologi perlu dijana secara sistematik melalui kolaborasi strategik, inovasi produk, serta pengurusan aset yang lebih produktif. Dengan pendekatan yang terancang dan berfokus, UMK mampu berdaya tahan, selaras dengan aspirasi menjadi universiti keusahawanan yang kompetitif serta lestari. Bagi menjayakan objektif strategik ini, terdapat lima (5) Inisiatif Strategik yang dicadangkan.

**KPI 19:** Peratusan penjanaan pendapatan sendiri berbanding dengan perbelanjaan operasi universiti.



Inisiatif Strategik	Kaedah Pengukuran
1: Meningkatkan pendapatan melalui pengoptimuman enrolmen pelajar.	1. Jumlah pendapatan dari enrolmen pelajar.
2: Meningkatkan pendapatan melalui pelaburan dan <i>Monetization of Asset</i> .	1. Jumlah hasil pendapatan daripada pelaburan. 2. Jumlah penjanaan pendapatan dari sewaan ruang dan fasiliti.
3: Meningkatkan Sumbangan Melalui Pendapatan Syarikat Milik Universiti Dan Koperasi.	1. Jumlah dividen dari anak syarikat kepada UMK. 2. Nilai perkongsian keuntungan oleh Koperasi UMK Berhad kepada UMK.


4: Jumlah Dana Dikumpul Melalui WEZS.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jumlah dana yang dikumpul melalui wakaf.</li> <li>2. Jumlah dana yang dikumpul melalui endowmen.</li> <li>3. Jumlah dana yang dikumpul melalui zakat.</li> <li>4. Jumlah dana yang dikumpul melalui sumbangan tunai.</li> </ol>
5: Menambahkan pendapatan melalui aktiviti latihan, penyelidikan, pengkomersialan, keusahawanan dan perundingan.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jumlah pendapatan melalui pengkomersialan, perundingan termasuk lesen hak cipta dan harta intelek (IP).</li> <li>2. Jumlah pendapatan melalui aktiviti Latihan.</li> <li>3. Jumlah pendapatan melalui aktiviti keusahawanan.</li> </ol>

## OS12: MEMANTAPKAN TADBIR URUS DAN KECEKAPAN PENGURUSAN KEWANGAN UNIVERSITI

Tadbir urus kewangan yang mantap merupakan asas kepada kelestarian institusi dan keupayaan universiti mengurus sumber secara berhemat, telus dan berimpak. Dalam persekitaran pendidikan tinggi yang semakin mencabar, UMK perlu memastikan setiap proses kewangan diperkukuh melalui pengurusan risiko yang efisien, pemantauan berterusan serta pematuhan kepada piawaian perakaunan dan kawal selia yang ditetapkan. Penekanan terhadap kecekapan operasi dan ketelusan ini penting bagi memastikan keputusan kewangan dibuat secara berinformasi dan menyokong hala tuju strategik universiti.

Selain itu, kecekapan pengurusan kewangan perlu dipertingkatkan melalui penggunaan teknologi bagi memodenkan sistem operasi, meningkatkan ketepatan data, mempercepat proses kerja dan menyokong keputusan berasaskan analitik (data-driven decision making). Keupayaan universiti menyusun keutamaan perbelanjaan, mengoptimumkan kos operasi dan memantapkan aliran tunai turut menjadi komponen penting dalam memastikan daya tahan kewangan jangka panjang. Penambahbaikan yang berterusan ini akan memastikan UMK kekal kompetitif, cekap serta berupaya menyokong aspirasi strategik universiti. Bagi menjayakan objektif strategik ini, terdapat satu (1) Inisiatif Strategik yang dicadangkan.

**KPI 20:** Peratusan kecekapan perbelanjaan tahunan.



Inisiatif Strategik	Kaedah Pengukuran
1: Peningkatan Peratusan Penjimatan Belanja Operasi Universiti.	1. Jumlah penjimatan perbelanjaan operasi.

## TERAS 7: PERSEKITARAN SEJAHTERA

### OS13: MEMPERKASA INFRASTRUKTUR DAN INFOSTRUKTUR KONDUSIF SERTA LESTARI UNTUK KESEJAHTERAAN WARGA KAMPUS


Objektif Strategik ini menekankan komitmen utuh UMK untuk memperkasa infrastruktur dan infostruktur yang kondusif serta lestari demi menjamin kesejahteraan seluruh warga kampus. Dalam menuju ke arah universiti yang cemerlang menjelang tahun 2030, UMK menyedari bahawa penyediaan persekitaran fizikal dan digital yang serba lengkap bukan sekadar keperluan operasi, tetapi merupakan asas kritikal dalam membentuk ekosistem pembelajaran dan pekerjaan yang produktif, selamat, dan harmonis.

Kejayaan mencapai objektif ini disandarkan kepada tiga (3) fokus utama yang saling berkait. Fokus pertama tertumpu kepada kesediaan infrastruktur fizikal yang

menyokong operasi universiti. Bagi merealisasikan hasrat ini, inisiatif strategik telah dirangka untuk memastikan setiap projek infrastruktur dapat disiapkan dalam tempoh lima tahun yang ditetapkan, di samping menerapkan elemen kelestarian melalui peningkatan penjimatan tenaga (energy efficiency). Langkah ini penting bagi memastikan fasiliti universiti sentiasa bersedia, berfungsi, dan mesra alam sekitar.


Seterusnya, fokus kedua memberi perhatian khusus kepada pemantapan infostruktur digital. UMK berhasrat meningkatkan kecekapan operasi melalui transformasi digital yang menyeluruh. Ini dijayakan menerusi tiga inisiatif strategik utama: memantapkan fasiliti digital bagi menyokong kelestarian perkhidmatan, memperkukuh tadbir urus keselamatan maklumat universiti, serta mewujudkan Ekosistem Data Bersepadu. Pembangunan aplikasi utama universiti akan menjadi tunjang kepada tadbir urus strategik berasaskan data (Data-Driven Governance), memastikan setiap keputusan pengurusan dibuat dengan tepat dan pantas.

**KPI 21:** Peratusan kesediaan infrastruktur yang menyokong operasi universiti.




Inisiatif Strategik	Kaedah Pengukuran
1: Memastikan projek infrastruktur siap dalam tempoh 5 tahun.	Peratus kesiapan projek infrastruktur universiti yang dilaksanakan melalui sumber peruntukan RMK, Projek Usang KPT dan peruntukan khas universiti.
2: Meningkatkan penjimatan tenaga dalam tempoh lima (5) tahun	Peratus pelaksanaan projek penjimatan tenaga melalui pemasangan lampu jalan solar, pembinaan parkir solar dan pemasangan <i>timer/ motion sensor</i> di ruang awam kampus setiap tahun.

**KPI 22:** Peratusan kesediaan infostruktur digital yang menyokong kecekapan operasi dan kelestarian perkhidmatan universiti.



Inisiatif Strategik	Kaedah Pengukuran
1: Memantapkan fasiliti digital universiti bagi menyokong kecekapan operasi, kelestarian perkhidmatan dan transformasi digital kampus.	Peratus tahap kesediaan infostruktur digital universiti yang merangkumi rangkaian, pusat data, peralatan ICT dan keselamatan siber.
2: Mewujudkan Ekosistem Data Bersepadu berdasarkan pembangunan aplikasi utama universiti bagi menyokong tadbir urus strategik berasaskan data (Data-Driven Governance).	Peratus aplikasi utama universiti yang dibangunkan menyokong integrasi data.
3: Memperkukuh tadbir urus keselamatan maklumat universiti.	Peratus pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dan pensijilan MS ISO/ IEC 27001:2022.

**KPI 23:** Peratusan Pemeraksanaan Transformasi Digital Perpustakaan Melalui Sistem Pintar, Pendigitalan Sumber, dan Akses Terbuka.



Inisiatif Strategik	Kaedah Pengukuran
1: Membangun dan memperkasa Koleksi Kelantanologi (Koleksi Kelantan).	Bilangan koleksi Kelantanologi.
2: Menambahbaik platform (peralatan dan aplikasi) digitalisasi.	Bilangan penambahbaikan platform Digitalisasi bertaraf UNESCO.
3: Galakan fakulti menghasilkan kandungan digital sebagai sumber rujukan.	Bilangan kandungan OER UMK.
4: Program <i>outreach</i> ke seluruh kampus untuk peningkatan akses kepada sumber digital.	Bilangan program <i>outreach</i> .

**OS14: MENYEDIAKAN SUASANA KEHIDUPAN KONDUSIF YANG MEMBERI IMPAK POSITIF KEPADA WARGA UMK DALAM PENINGKATAN PRESTASI KERJA, PEMBELAJARAN DAN PERKHIDMATAN**

Objektif Strategik ini meletakkan fokus utama kepada aspek kemanusiaan dan persekitaran sosial dengan matlamat untuk menyediakan suasana kehidupan kondusif yang memberi impak positif kepada seluruh warga UMK. Objektif ini digubal atas kesedaran bahawa persekitaran yang harmoni adalah pemangkin utama dalam memacu peningkatan prestasi kerja kakitangan, keberkesanan pembelajaran pelajar, serta kualiti penyampaian perkhidmatan universiti secara keseluruhan.


Kejayaan pelaksanaan objektif ini diukur melalui satu KPI yang kritikal, iaitu Indeks Kepuasan Warga UMK (merangkumi staf dan pelajar) terhadap persekitaran universiti. UMK telah menetapkan sasaran yang progresif dan bercita-cita tinggi, bermula dengan 80% pada tahun 2026 dan meningkat secara konsisten sehingga mencapai tahap kepuasan penuh 100% menjelang tahun 2030. Sasaran ini mencerminkan komitmen universiti untuk memastikan tiada warga kampus yang tertinggal dalam merasai nikmat kesejahteraan persekitaran universiti.

Bagi merealisasikan aspirasi ini, lima (5) inisiatif strategik telah dirangka untuk dilaksanakan secara bersepadu. Inisiatif pertama adalah pelaksanaan kajian kepuasan pengguna secara berkala kepada warga kampus, yang bertindak sebagai mekanisme semak imbang bagi memastikan suara warga didengar dan penambahbaikan dapat dilakukan secara berfakta.

Manakala, inisiatif seterusnya disusun bagi menyantuni keperluan kesejahteraan warga secara holistik merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Ini dijayakan menerusi inisiatif kedua dan ketiga, iaitu pelaksanaan program riadah, sukan serta kebudayaan bagi menggalakkan gaya hidup aktif, disusuli dengan pelaksanaan program kerohanian dan keagamaan bagi membina kekuatan dalaman warga.

UMK turut memandang serius aspek kesihatan mental melalui inisiatif keempat, yang menekankan pelaksanaan program dan aktiviti kesihatan psikologi, kesihatan mental, serta sokongan psikososial. Akhir sekali, bagi memastikan persekitaran fizikal yang mendamaikan dan lestari, inisiatif kelima iaitu pelaksanaan program *Green Campus* akan digerakkan. Gabungan kesemua inisiatif ini akan membentuk ekosistem yang bukan sahaja menyokong produktiviti, tetapi juga memupuk rasa kepunyaan dan kebahagiaan di kalangan warga kampus.

**KPI 24:** Indeks Kepuasan warga UMK (Staf dan Pelajar) terhadap persekitaran UMK dalam peningkatan prestasi kerja, pembelajaran dan perkhidmatan.



Inisiatif Strategik	Kaedah Pengukuran
1: Melaksanakan kajian kepuasan pengguna kepada warga kampus.	Bilangan kajian kepuasan pengguna dilaksanakan setiap tahun.
2: Melaksanakan program riadah/ sukan/ kebudayaan.	Bilangan program riadah/ sukan/ kebudayaan yang dilaksanakan kepada warga UMK.
3: Melaksanakan program kerohanian/ keagamaan.	Bilangan program kerohanian yang dilaksanakan kepada warga UMK.
4: Melaksanakan program dan aktiviti kesihatan psikologi/ kesihatan mental/ psikososial.	Bilangan program kesihatan mental/ psikologi yang dilaksanakan kepada warga UMK.
5: Melaksanakan program green campus.	Bilangan program green campus yang menyokong persekitaran hijau.

### OS15: MEMPERKUKUH PENJENAMAAN DAN POSISI STRATEGIK UNIVERSITI BERASASKAN PERSEKITARAN KAMPUS YANG KONDUSIF, LESTARI DAN BERINTEGRASI DENGAN EKOSISTEM UNIVERSITI


Objektif Strategik ini dirangka khusus untuk memperkukuh penjenamaan dan posisi strategik universiti berasaskan persekitaran kampus yang kondusif, lestari, dan berintegrasi dengan ekosistem universiti. Dalam persaingan pendidikan tinggi global, reputasi dan keterlihatan jenama adalah aset kritikal. Justeru, UMK bertekad untuk memastikan identitinya sebagai universiti keusahawanan terserlah bukan sahaja melalui pencapaian akademik, tetapi juga menerusi persepsi positif masyarakat dan pemegang taruh terhadap persekitaran serta ekosistemnya.

Kejayaan objektif ini dipacu oleh dua (2) KPI yang disokong oleh inisiatif-inisiatif strategik yang berfokus. Fokus pertama adalah memastikan imej universiti sentiasa berada pada tahap optimum melalui KPI Peratus Indeks Keterlihatan dan Reputasi UMK, dengan sasaran pencapaian 70% bermula dari tahun 2026 dan

peningkatan sebanyak 5% setiap tahun hingga 90% pada tahun 2030. Usaha ini digerakkan melalui tiga inisiatif strategik: melaksanakan audit keterlihatan UMK secara berkala, menonjolkan pencapaian merentas bidang (keusahawanan, penyelidikan, akademik, pelajar, dan bakat), serta meningkatkan keterlihatan program berimpak tinggi melalui kerjasama industri, alumni, dan masyarakat (outreach).


Seterusnya, fokus kedua adalah memperhebat strategi promosi melalui KPI Bilangan Pemasaran Strategik yang menyokong kedudukan jenama UMK (Brand Positioning). Strategi ini dilaksanakan menerusi tiga inisiatif utama iaitu mempromosikan hasil kerjasama strategik dan projek kolaboratif sebagai elemen penjenamaan UMK melalui platform fizikal. Di samping itu juga, UMK turut menonjolkan kolaborasi akademik serta kepakaran UMK bertaraf nasional dan antarabangsa menerusi staf yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang tertentu. Selain itu, peranan duta pelajar dan alumni akan diperkukuhkan sebagai ejen promosi yang berkesan di peringkat tempatan dan antarabangsa, memastikan jenama UMK terus relevan dan disegani.

**KPI 25:** Peratusan Indeks Keterlihatan dan Reputasi UMK.



Inisiatif Strategik	Kaedah Pengukuran
1: Melaksanakan audit keterlihatan UMK secara berkala.	Peratus indeks Keterlihatan Digital & Media.
2: Menonjolkan pencapaian keusahawanan, penyelidikan, akademik, pembangunan pelajar dan Bakat.	Peratus liputan strategik mengikut kluster keutamaan (Keusahawanan, penyelidikan, akademik, pembangunan bakat).
3: Meningkatkan keterlihatan program berimpak (outreach, kerjasama dengan industri, alumni dan masyarakat).	Peratus promosi inisiatif berimpak tinggi merentasi platform komunikasi rasmi UMK.

**KPI 26:** Peratusan Pemasaran Strategik yang Menyokong Kedudukan UMK (Brand Positioning).



Inisiatif Strategik	Kaedah Pengukuran
1: Mempromosikan hasil kerjasama strategik dan projek kolaboratif sebagai elemen penjenamaan UMK melalui platform fizikal.	Bilangan kandungan promosi diterbitkan.
2: Menonjolkan kolaborasi akademik serta kepakaran UMK bertaraf nasional dan antarabangsa.	Bilangan pakar mendapat liputan.
3: Memperkukuh peranan pelajar dan alumni sebagai agen promosi tempatan dan antarabangsa.	Bilangan pelajar dan alumni yang berperanan sebagai duta jenama UMK.





Bangunan Canselori  
Sultan Ismail Petra

# KEBERHASILAN UTAMA 2030

## KEBERHASILAN UTAMA 2030

Menjelang 2030, UMK30 telah merumuskan 14 Keberhasilan Utama yang bakal dicapai melalui pelan tindakan yang komprehensif dan sinergi antara kesemua Teras Strategik UMK30. Senarai 14 Keberhasilan Utama 2030 dipilih berdasarkan faktor kekuatan dan potensi setiap Teras Strategik yang akan mengungguli pelan tindakan pelaksanaan tahunan ke arah pencapaian keberhasilan tersebut.

# 14 KEBERHASILAN UTAMA 2030

# 01

## Universiti Keusahawanan Unggul Asia 2030





## 10 Orang Graduan Usahawan Jutawan menjelang 2030

(Millionaire Graduate Entrepreneur by 2030)

02

03

## Indeks Universiti Keusahawanan

(Entrepreneurship University Index)





**Kedudukan UMK ke-300  
Dalam Penarafan Global  
Peringkat Asia**

**04**

**05**

**10% Pelajar  
Antarabangsa**





Penawaran 80  
Program Pengajian

06

07

95% Bekerja Graduan





**80% Graduan  
Memiliki Sijil Kompetensi**

**08**

**09**

**Penubuhan Dua (2) Pusat  
Kecemerlangan Pendidikan  
Tinggi (HiCoE)**





**Dua (2) Orang Staf Akademik  
Menerima Anugerah  
Akademik Negara**

**10**

**11**

**90% Staf Mencapai  
Tahap Kompetensi  
Tinggi**





**90% Jawatan Utama  
Mempunyai Barisan  
Pelapis**

**12**

**13**

**40% Penjanaaan  
Pendapatan Universiti**







Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu  
Universiti Malaysia Kelantan

Pandangan hadapan Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu UMK Bachok.

# MEKANISME PEMANTAUAN



## MEKANISME PEMANTAUAN

UMK30 memerlukan satu mekanisme pemantauan yang sistematik, berstruktur dan berakauntabiliti bagi memastikan setiap objektif strategik, KPI dan inisiatif yang dirangka dapat dilaksanakan secara berkesan serta mencapai sasaran yang ditetapkan. Mekanisme pemantauan ini berfungsi sebagai instrumen kawalan strategik yang membolehkan universiti menilai kemajuan pelaksanaan, mengenal pasti jurang prestasi serta melaksanakan tindakan penambahbaikan secara berterusan.

Sehubungan itu, UMK30 mengguna pakai pendekatan pemantauan dua tahap (two-tier monitoring mechanism) yang melibatkan pemantauan di peringkat tadbir urus strategik dan pemantauan di peringkat pelaksanaan operasi. Pendekatan ini memastikan hala tuju strategik universiti sentiasa dipantau oleh kepimpinan tertinggi universiti, manakala pelaksanaan inisiatif dan program strategik dipantau secara berfokus dan berterusan di peringkat pengurusan.

## JAWATANKUASA PENGURUSAN PELAN STRATEGIK UMK30

### Pengerusi

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU)

### Keahlian

Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU)  
Naib Canselor (NC)  
Timbalan-timbalan Naib Canselor (TNC)  
Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU)  
Ketua Teras Strategik

### Urusetia

Pusat Strategik dan Risiko

### Kekerapan Mesyuarat

Dua (2) kali setahun

### Fungsi Jawatankuasa:

- 01 Menentukan hala tuju strategik dan pengawasan menyeluruh terhadap pelaksanaan UMK30 bagi memastikan pencapaian objektif dan KPI strategik universiti.
- 02 Menilai prestasi dan kemajuan pelaksanaan UMK30 berdasarkan laporan pencapaian KPI strategik, serta membuat keputusan berkaitan keutamaan pelaksanaan, penstrukturan semula inisiatif dan pengoptimuman peruntukan sumber.

## JAWATANKUASA KERJA PELAN STRATEGIK UMK30

### Pengerusi

Naib Canselor (NC)

### Keahlian

Timbalan-timbalan Naib Canselor (TNC)  
Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU)  
Ketua Teras Strategik

### Urusetia

Pusat Strategik dan Risiko

### Kekerapan Mesyuarat

Dua (2) kali setahun

### Fungsi Jawatankuasa:

- 01 Memantau dan menilai pelaksanaan operasi UMK30 merangkumi kemajuan inisiatif strategik, program serta pelan tindakan tahunan berdasarkan pencapaian KPI, *output* dan *outcome* setiap teras strategik.
- 02 Mengenal pasti serta mengurus isu, risiko dan cabaran pelaksanaan melalui cadangan langkah mitigasi, penyelarasan tindakan susulan dan penambahbaikan bersama pemilik inisiatif serta ketua teras strategik.



Bagi tujuan pemantauan yang lebih sistematik dan strategik, kesemua data pencapaian akan direkodkan, dianalisis dan dilaporkan dalam Sistem Papan Pemuka Pemantauan UMK30 (UMK30 Monitoring Dashboard System).



Pandangan Masjid UMK Kampus Jeli.

# PENUTUP



UMK30 merupakan komitmen institusi yang menyeluruh dan berpandangan jauh dalam memacu transformasi Universiti Malaysia Kelantan sebagai Universiti Keusahawanan yang unggul, berdaya saing dan berimpak tinggi. Dokumen ini bukan sekadar menetapkan hala tuju strategik, malah berfungsi sebagai kerangka tadbir urus yang menyatukan aspirasi kepimpinan, warga universiti dan pemegang taruh ke arah pencapaian matlamat bersama bagi tempoh 2026–2030.

Pelaksanaan UMK30 digerakkan melalui pendekatan strategik yang bersepadu, berasaskan pencapaian yang boleh diukur, pengurusan risiko yang sistematik serta mekanisme pemantauan yang telus dan berakauntabiliti. Dengan tumpuan kepada pengukuhan ekosistem keusahawanan, kecemerlangan akademik dan penyelidikan, pembangunan bakat holistik, kelestarian kewangan serta persekitaran universiti yang sejahtera, UMK30 memastikan setiap inisiatif yang dilaksanakan menyumbang secara langsung kepada nilai tambah institusi dan kesejahteraan masyarakat.

Kejayaan UMK30 menuntut komitmen berterusan, kepimpinan yang berwawasan serta penglibatan aktif seluruh warga universiti dan rakan strategik. Melalui pelaksanaan yang berdisiplin dan budaya penambahbaikan berterusan, UMK diyakini mampu memperkukuh kedudukannya di peringkat nasional dan antarabangsa serta merealisasikan aspirasi sebagai Universiti Keusahawanan unggul di rantau Asia menjelang tahun 2030. UMK30 merupakan asas kukuh dalam membina legasi kecemerlangan institusi yang mampan, berintegriti dan berteraskan nilai untuk generasi akan datang.

# PENGHARGAAN



## PENGHARGAAN

UMK merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga universiti serta semua pihak berkepentingan atas komitmen, sumbangan pemikiran dan penglibatan aktif dalam pembangunan UMK30. Pelan ini merupakan hasil usaha kolektif yang melibatkan kepimpinan universiti, LPU, pengurusan tertinggi, kumpulan peneraju dan jawatankuasa berkaitan melalui siri bengkel strategik, sesi libat urus dan proses pemurnian yang menyeluruh. Dedikasi dan kerjasama semua pihak telah memungkinkan penghasilan sebuah pelan strategik yang komprehensif dan berdaya saing. UMK merakamkan penghargaan khusus kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dalam merangka dan memuktamadkan UMK30, demi merealisasikan aspirasi UMK sebagai Universiti Keusahawanan unggul di peringkat nasional dan antarabangsa.



# JAWATANKUASA INDUK

## Pengerusi:

**Dato' Prof. Ir. Ts. Dr. Arham Abdullah**  
Naib Canselor

## Timbalan Pengerusi:

**Prof. Madya Ts. Dr. Zuraimi Abdul Aziz**  
Pengarah Pusat Strategik dan Risiko

## Ketua – Ketua Pengeraju

- **Prof. Dr. Huzili Hussin**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- **Prof. Dr. Mohammad Ismail**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- **Prof. Dr. Wan Ahmad Amir Zal Wan Ismail**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- **Khairul Eruwan Abdul Halim**  
Pendaftar
- **Ahmad Irwan Baharuddin**  
Bendahari
- **Prof. Dr. Mohd Nor Hakim Yusoff**  
Pengarah Kanan Institut Keusahawanan UMK
- **Prof. Madya Dr. Shardy Abdullah**  
Pengarah Pusat Pembangunan dan Pengurusan Infrastruktur
- **Prof. Ts. Dr. Zailani Abdullah**  
Ketua Pegawai Digital

## TERAS 1: KEUSAHAWANAN

### Pengeraju:

- Institut Keusahawanan UMK

### Ketua:

- Prof. Dr. Mohd Nor Hakim Yusoff

### Ahli:

- Prof. Dr. Raja Suzana Raja Kasim
- Prof. Madya Dr. Dzulkifli Mukhtar
- Prof. Madya Dr. Wan Farha Wan Zulkifli
- Prof. Madya Dr. Roslizawati Che Aziz
- Dr. Mohd Safwan Ghazali
- Ts. Dr. Hana Yazmeen Hapiz
- Dr. Siti Amaliya Mohd Radzi
- Dr. Mohd Ikwana Aziz
- Muhammad Naqib Mat Yunoh
- Ahmad Syakir Junoh@Ismail
- Abdul Azim Ab Razak

## TERAS 2: AKADEMIK DAN ANTARABANGSA

### Pengeraju:

- Pejabat Timbalan Naib Canselor  
(Akademik & Antarabangsa)

### Ketua:

- Prof. Dr. Huzili Hussin

### Ahli:

- Prof. Dr. Balakrishanan A/L Parasuraman
- Prof. Madya Dr. Norrimi Rosaida Awang
- Prof. Madya Dr. Zulhazman Hamzah
- Prof. Madya Dr. Noor Azlina Ibrahim
- Prof. Madya Dr. Noorshella Che Nawati
- Prof. Madya Dr. Marinah Muhammad
- Dr. Wan Ab Aziz Wan Daud
- Mohd Badrul Hisyam Muhamad Alias

### TERAS 3: PELAJAR DAN ALUMNI

#### Peneraju:

- Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

#### Ketua:

- Prof. Dr. Mohammad Ismail

#### Ahli:

- Prof. Madya Dr. Fadil Mohd Yusof
- Prof. Madya Dr. Mohd Farhan Hanif Reduan
- Dr. Razman Hafifi Redzuan
- Dr. Amaal Fadhlina Mohamed
- Dr. Noormariana Mohd Din
- Dr. Norazlinda Mohamed Rosdi
- Dr. Ikram Rauhi Che Ibrahim
- Dr. Wan Saiful Nizam Wan Mohamad
- Shaipuddin Muhammad
- Raja Azlan Raja Ismail
- Wan Ahmad Khairul Wan Ahmad Najib
- Nik Zulkamal Nik Hassan
- Mohd Norhafizan Muhammad
- Ahmad Fadzil Abd Rashid

### TERAS 4: PENYELIDIKAN DAN INOVASI

#### Peneraju:

- Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

#### Ketua:

- Prof. Dr. Wan Ahmad Amir Zal Wan Ismail

#### Ahli:

- Prof. Ir. Ts. Dr. Julie Juliewatty Mohamed
- Prof. Dr. Aweng A/L Eh Rak
- Prof. Madya Chm. Ts. Dr. Abdul Hafidz Yusoff
- Prof. Madya Ts. Dr. Mardawani Muhamad
- Prof. Madya Ts. Dr. Sarizam Mamat
- Prof. Madya Dr. Tan Tse Guan
- Prof. Madya Dr. Ahmad Azaini Abdul Manaf

- Prof. Madya Dr. Lee Seong Wei
- Prof. Madya Dr. Noor Fazliani Shoparwe
- Dr. Nurhanan Abdul Rahman
- Dr Muhamad Azahar Abas
- Dr Noor Raihani Zainol
- Ts Dr Maryana Mohamd Nor
- Ts. Dr. Noor Janatun Naim Jemali
- Nur Athirah Mat Yusoff
- Muhamad Hafizuddin Mat Nawi

### TERAS 5: GOVERNAN DAN BAKAT

#### Peneraju:

- Pejabat Pendaftar

#### Ketua:

- Khairul Eruwan Abdul Halim

#### Ahli:

- Noraini Idris
- Prof. Madya Dr. Mohamad Najmi Masri
- Prof. Madya Dr. Seri Intan Mokhtar
- Prof. Madya Dr. Raja Iskandar Raja Halid
- Prof. Madya Dr. Mohd Nazri Muhayiddin
- Dr. Adi Aizat Yajid
- Azizah Musa
- Aslina Abdullah
- Mohd Saffiri Ibrahim
- Ts. Amirul Firdaus Zilah
- Mohd Zamri Ismail
- Mohd Norazam Nurdin
- Mohd Shairuzani Che Hussin

## TERAS 6: KEWANGAN

### Peneraju:

- Pejabat Bendahari

### Ketua:

- Ahmad Irwan Baharuddin

### Ahli:

- Dato Haji Che Abdullah Mat Nawi
- Prof. Madya Dr. Mohd Asrul Hery Ibrahim
- Prof. Madya Ts. Dr Muhammad Ashlyzan Razik
- Prof. Madya Dr. Kamarulzaman Abdul Ghani
- Dr. Rushdan Yaso
- Dr. Mohd Afifie Mold Alwi
- Wan Noor Azimah Wan Muhammad
- Mohd Shaharil Hassan
- Mohamad Rizal Jailani
- Fakhrudin Hasbullah

## TERAS 7: PERSEKITARAN SEJAHTERA

### Peneraju:

- Pusat Pembangunan dan Pengurusan Infrastruktur
- Pusat Transformasi Digital
- Pusat Komunikasi Korporat

### Ketua:

- Prof. Madya Dr. Shardy Abdullah
- Prof. Ts. Dr. Zailani Abdullah
- Mohd Adzwan Kamaruzaman

### Ahli:

- Hairuladzhar Mohd Hamdi
- Prof. Madya Ts. Dr. Hasyiya Karimah Adli
- Prof. Madya Sr. Dr. Mohd Hanizun Hanafi
- Dr. Muhammad Akmal Remli
- Noradilah Ismail
- Mohd Idzuan Abdul Hamid
- Faizum Ahmad
- Wan Azlee Wan Abdullah
- Mohd Fadli Mohd Zain

- Siti Aisah Yusop
- Mohd Shafik Mat Darabi
- Muhammad Hazwan Ab Ghani
- Roziatun Mohd Sayuty
- Noor Azlina Abdullah
- Noor Hanif Noordin
- Khairol Amry Nordin
- Ahmad Bustaman Arifin
- Nor Atekah Ismail

## JAWATANKUASA PENULISAN

### Ketua:

- Dr. Burhan Che Daud

### Ahli:

- Prof. Madya Dr. Nik Yusri Musa
- Prof. Madya Dr. Hazriah Hasan
- Dr. Nik Syuhailah Nik Hussin
- Dr. Suhaila Abdul Kadir
- Dr. Nurhaiza Nordin
- Dr. Nurnaddia Nordin
- Dr. Norsyamline Che Abdul Rahim
- Dr. Ruzanifah Kosnin
- Dr. Nordiana Ab Jabar
- Dr. Suraya Sukri
- Dr. Mardhiah Kamaruddin
- Dr. Tan Wai Hong
- Dr. Wan Yusoff Wan Shahrudin
- Dr. Marwan Ismail
- Dr. Noor Hisham Md Nawi
- Nik Ahmad Farhan Azim @ Nik Azim
- Mohd Hafiz Rosli
- Fitriyah Husin
- Nur Asyikah Azahari
- Mohd Faisal Mohd Azalan
- Faidzah Shah Rum
- Mohd Kamal Rool Ismail
- Ahmad Saiful Saluddin

## JAWATANKUASA MEDIA DAN REKABENTUK

### **Ketua:**

- Mohd Adzwan Kamaruzaman

### **Ahli:**

- Tuan Zulkipeli Tuan Yeh
- Yusroyka Karim
- Nor Atekeh Ismail
- Nurul Ashikin Mohd Lukman
- Mohd Al Azam Mat Radzi
- Mohamad Kamarul Hisyam A Rahman
- Mohd Hafriez Aiman Ibrahim
- Siti Noor Alizam Shafie
- Aiman Syazwan Zainal Abidin

## JAWATANKUASA PENTADBIRAN

### **Ketua:**

- Nor Azlina Kamaruddin

### **Ahli:**

- Mohamad Nazrin Abdul Rahman
- Mohammad Firdaus Nizam
- Tuan Mohd Nizam Tuan Mustapa
- Puteri Nurainul Bismi Jondi
- Rahayu Abdullah
- Mohd Azrul Zakaria
- Muhamad Syafiq Sayuti



# **GLOSARI DEFINISI OPERASIONAL**



Dewan Utama UMK Kampus Jeli.

## GLOSARI DEFINISI OPERASIONAL

INDIKATOR PRESTASI UTAMA (KPI)	DEFINISI OPERASIONAL
<p><b>KPI 1</b> Kejayaan pengiktirafan/ akreditasi keusahawanan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa</p>	<p>Merujuk kepada pengiktirafan atau akreditasi yang diperolehi / dimenangi / sumbangan yang dirujuk oleh mana-mana agensi / badan yang diiktiraf</p>
<p><b>KPI 2</b> Bilangan kepakaran keusahawanan tenaga pengajar /pembimbing dalaman dan luaran</p>	<p>Merujuk kepada tenaga pengajar akademik dan bukan akademik IPT warganegara Malaysia yang memenuhi kriteria kepakaran Persijilan &amp; Pengiktirafan (nasional/ antarabangsa)</p>
<p><b>KPI 3</b> Penghasilan usahawan pelajar UMK yang menjalankan perniagaan semasa tempoh pengajian</p>	<p>Merujuk kepada pelajar IPT sepenuh masa, warganegara Malaysia yang menjalankan aktiviti keusahawanan/perniagaan semasa tempoh pengajian (tidak termasuk pascasiswazah)</p>
<p><b>KPI 4</b> Kejayaan usahawan graduan yang menceburkan diri dalam bidang keusahawanan setelah tamat pengajian</p>	<p>Merujuk kepada graduan warganegara Malaysia (tidak termasuk graduan pascasiswazah) yang menjadi usahawan dalam tempoh 12 bulan selepas tamat pengajian (termasuk perniagaan secara dalam talian atau luar talian)</p>
<p><b>KPI 5</b> Peratus program pengajian yang mengintegrasikan teknologi AI</p>	<p>Merujuk kepada peratus program pengajian Sarjana Muda yang mengintegrasikan sekurang-kurangnya satu kursus berkaitan teknologi AI. Contoh kursus berkaitan dengan teknologi AI adalah: <i>AI and its Applications, Machine Learning, Deep Learning, Generative AI, Natural Language Processing, Responsible AI and Ethics, AI Regulations, AI in Healthcare, AI in Manufacturing</i> dan AI di pelbagai bidang yang lain</p>
<p><b>KPI 6</b> Bilangan program pengajian yang lestari</p>	<p>Merujuk kepada bilangan program pengajian prasiswazah dan pasca siswazah yang ditawarkan</p>

<p><b>KPI 7</b> Kedudukan UMK dalam penarafan global peringkat Asia</p>	<p>Merujuk kepada kedudukan UMK dalam penarafan global di peringkat Asia yang mencerminkan keterlihatan akademik yang cemerlang, termasuk melalui peningkatan bilangan pelajar antarabangsa, jumlah pelajar yang menyertai program mobiliti masuk dan mobiliti keluar serta kehadiran pensyarah, profesor pelawat, profesor adjung, penyelidik pasca-doktoral dan felo antarabangsa</p>
<p><b>KPI 8</b> Peratusan Bekerja Graduan</p>	<p>Merujuk kepada kadar graduan bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan berbanding graduan bergraduasi pada tahun semasa</p>
<p><b>KPI 9</b> Peratusan piawai indeks kesejahteraan pelajar</p>	<p>Merujuk kepada peratusan pelajar yang mencapai skor pada atau melebihi piawai minimum dalam instrumen penilaian kesejahteraan pelajar yang merangkumi aspek emosi, sosial, fizikal dan akademik</p>
<p><b>KPI 10</b> Peratusan alumni yang terlibat sama dalam program/ aktiviti dengan alma mater setiap tahun</p>	<p>Merujuk kepada peratusan alumni yang terlibat dalam program atau aktiviti bersama alma mater, indikator ini ditakrifkan sebagai nisbah bilangan alumni berdaftar yang menyertai sekurang-kurangnya satu (1) program atau aktiviti universiti</p>
<p><b>KPI 11</b> Pemantapan Ekosistem Penyelidikan UMK yang Berimpak Mampan</p>	<p>Merujuk kepada usaha memperkukuh struktur, dasar, garis panduan, sistem sokongan dan kapasiti bakat ilmuwan ulung UMK bagi membina persekitaran penyelidikan yang kondusif, produktif dan lestari. Ia menekankan sinergi antara disiplin, pematuhan kepada integriti akademik, serta pemfokusan pada penyelidikan yang berasaskan keperluan nasional, global dan kesejahteraan komuniti</p>
<p><b>KPI 12</b> Penguatan Pembangunan Ekosistem Penyelidikan UMK</p>	<p>Merujuk kepada penumpuan kepada pembangunan elemen ilmuwan ulung UMK serta infrastruktur fizikal yang memperkukuh keupayaan universiti dalam membangunkan sumber manusia, teknologi dan kemudahan penyelidikan yang mampu melonjakkan penyelidikan UMK. Ia melibatkan usaha sistematik dalam pembangunan bakat, penajaan pengetahuan dan teknologi baharu, serta penyediaan kemudahan yang sesuai dalam mencipta platform yang kondusif bagi memperkukuh dan mengekalkan keutuhan ekosistem penyelidikan UMK</p>

<p><b>KPI 13</b> Pemacuan Komersialisasi, Inovasi dan Pengkomersialan UMK</p>	<p>Merujuk kepada usaha memperkukuh budaya inovatif dan penerokaan idea baharu dalam kalangan warga UMK, serta mempercepat penukaran hasil penyelidikan kepada nilai pasaran melalui produk, teknologi dan perkhidmatan berimpak sosial dan ekonomi. Ia menekankan kecekapan dalam perlindungan harta intelek, pembangunan perniagaan, pelesenan, inkubasi pemula, dan strategi pemindahan teknologi Ilmuwan Ulung UMK yang memperkukuh daya saing universiti serta sumbangan kepada ekonomi mampan</p>
<p><b>KPI 14</b> Pemerayaan Jaringan Strategik UMK</p>	<p>Merujuk kepada usaha memperluas dan memperdalam hubungan kolaboratif yang strategik antara universiti dengan agensi kerajaan, industri, komuniti dan rakan antarabangsa. Usaha ini berperanan memperkaya pertukaran ilmu dan teknologi, kepakaran, sumber dan peluang kolaborasi, serta peluang pelaburan bagi memperkukuh kedudukan UMK sebagai Universiti Keusahawanan yang berimpak tinggi dan berdaya saing di peringkat global</p>
<p><b>KPI 15</b> Peratusan semakan polisi sedia ada dan dikemaskini ke arah pengukuhan governan universiti.</p>	<p>Merujuk kepada semakan semula polisi/ dokumen dasar sedia ada di universiti yang menjadi rujukan warga universiti secara menyeluruh. Semakan ini merangkumi penubuhan taskforce semakan, pengemaskinian pangkalan data dan semakan polisi yang telah dibuat</p>
<p><b>KPI 16</b> Peratusan Pengisian Jawatan Utama dari Barisan Kepimpinan yang Berwibawa dan Berprestasi Tinggi</p>	<p>Merujuk kepada nisbah jawatan utama universiti yang diisi oleh individu daripada barisan kepimpinan yang memenuhi kriteria kewibawaan, kompetensi dan prestasi tinggi berdasarkan penilaian rasmi universiti, berbanding jumlah keseluruhan jawatan utama yang diwujudkan</p>
<p><b>KPI 17</b> Peratusan Staf Mencapai Tahap Kompetensi Cemerlang dan Berimpak Tinggi</p>	<p>Merujuk kepada nisbah bilangan staf yang mencapai tahap kompetensi cemerlang dan berimpak tinggi berdasarkan penilaian kompetensi, prestasi kerja dan indikator pembangunan profesional yang ditetapkan</p>

<p><b>KPI 18</b> Peratusan Staf Menunjukkan Sumbangan Berimpak Tinggi</p>	<p>Merujuk kepada nisbah bilangan staf yang menunjukkan sumbangan berimpak tinggi melalui pencapaian akademik, pentadbiran, penyelidikan, inovasi, perkhidmatan profesional atau impak komuniti yang diiktiraf secara rasmi oleh universiti</p>
<p><b>KPI 19</b> Peratusan Penjana Pendapatan Sendiri Berbanding Dengan Perbelanjaan Operasi Universiti</p>	<p>Merujuk kepada penjana pendapatan dari yuran pelajar (semua saluran), latihan, penyelidikan, pengkomersialan, keusahawanan, perundingan, pelaburan, monetization of asset, pulangan dividen syarikat milik universiti dan koperasi</p>
<p><b>KPI 20</b> Peratusan Kecekapan Perbelanjaan Tahunan</p>	<p>Merujuk kepada peratusan peningkatan penjimatan yang berjaya dilaksanakan pengurusan tenaga secara berhemah, perkhidmatan, sewaan dan pengoptimuman struktur organisasi dalam tahun semasa sahaja</p>
<p><b>KPI 21</b> Peratusan kesediaan infrastruktur yang menyokong operasi universiti</p>	<p>Merujuk kepada peratusan tahap kesediaan infrastruktur fizikal universiti yang berfungsi, selamat dan memenuhi keperluan operasi harian universiti</p>
<p><b>KPI 22</b> Peratusan kesediaan infostruktur digital yang menyokong kecekapan operasi dan kelestarian perkhidmatan universiti</p>	<p>Merujuk kepada peratusan tahap kesediaan infostruktur digital universiti yang beroperasi secara optimum, selamat dan berdaya tahan dalam menyokong kecekapan operasi harian universiti</p>
<p><b>KPI 23</b> Peratusan Pemerkasaan Transformasi Digital Perpustakaan Melalui Sistem Pintar, Pengidigitalan Sumber, dan Akses Terbuka</p>	<p>Merujuk kepada peningkatan keupayaan perpustakaan dalam menyediakan sistem maklumat yang bersepadu, menerapkan teknologi AI, dan memperluas akses kepada sumber digital serta bahan ilmiah akses terbuka untuk menyokong ekosistem digital UMK yang mampan dan pintar</p>
<p><b>KPI 24</b> Indeks Kepuasan warga UMK (Staf dan Pelajar) terhadap persekitaran UMK dalam peningkatan prestasi kerja, pembelajaran dan perkhidmatan</p>	<p>Merujuk kepada indeks yang menilai tahap kepuasan staf dan pelajar terhadap persekitaran UMK sebagai pemangkin peningkatan prestasi kerja, keberkesanan pembelajaran, dan kualiti perkhidmatan, sejajar dengan pencapaian sasaran strategik universiti</p>

<p><b>KPI 25</b> Peratusan Indeks Keterlihatan dan Reputasi UMK</p>	<p>Merujuk kepada sejauh mana UMK dikenali, diiktiraf dan dipercayai oleh khalayak utama melalui capaian berkesan di platform digital, liputan media, prestasi akademik, impak penyelidikan dan hubungan industri serta masyarakat. Pengukuran ini memastikan imej dan kedudukan UMK dapat dipantau secara berterusan dan diperkukuh melalui strategi penjenamaan yang berfokuskan bukti prestasi dan impak universiti</p>
<p><b>KPI 26</b> Peratusan Pemasaran Strategik yang Menyokong Kedudukan UMK (Brand Positioning)</p>	<p>Merujuk kepada jumlah inisiatif, program, atau aktiviti pemasaran yang dilaksanakan secara terancang untuk memperkukuh imej dan kedudukan UMK sebagai sebuah universiti berteraskan keusahawanan</p>



**PELAN STRATEGIK**  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
**2026-2030 UMK30**



# PELAN STRATEGIK

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN


## 2026-2030 UMK30

KEUSAHAWANAN TERAS KAMI *ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST*



OfficialUMK

e ISBN 978-629-7867-02-1



9 786297 867021